

Jilid IV
Bil. 4



Hari Jumaat
14hb Mac, 1986

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 529]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 590]**



MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, **DATO' MAK HON KAM**, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM**, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

- Yang Berhormat TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

- Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 14hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Bahari bin Harun.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Bahari bin Harun tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 3 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Peter Chin Gan Oon.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Seroji bin Haji Haron.

Tuan Haji Seroji bin Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, Soalan No. 6.

PENYALAHGUNAAN ISLAM

6. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada penyalahgunaan Islam untuk kepentingan parti dan terdapat setengah-setengah daripada pemimpin sebuah parti tidak lagi menghormati Undang-undang Negara kita iaitu Parti yang mengguna kalimah Islam dalam nama Partinya, maka bilakah akan dicadang untuk mencegah daripada penguasaan kalimah Islam oleh parti tersebut.

(Tiada jawapan dari Menteri)

BANJIR DI KUALA LUMPUR

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan beberapa kawasan dalam Wilayah Persekutuan selalu berlaku banjir kilat sungguhpun pihak Kementerian telah berusaha mendalamkan sungai-sungai utama seperti Sungai Gombak, Sungai Kelang dan juga meluaskan sistem perparitan, adakah benar pembangunan pesat di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan menjadi salah satu faktor utama dalam

berlakunya kejadian-kejadian banjir mengejut ini. Jika ya, apakah faktor utama yang lain.

19-3-86

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah mengenalpasti sebab musabab berlakunya banjir di Kuala Lumpur pada Disember tahun lalu, jika ada, apa puncanya;
- (b) memandangkan Kuala Lumpur mudah dilanda banjir selepas turun hujan lebat, apakah langkah jangka panjang dan jangka pendek yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini sekali gus; dan
- (c) apakah Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan mendapat peruntukan yang secukupnya bagi mengatasi masalah banjir, jika ada, berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk tujuan ini bagi tahun 1986.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar yang bertarikh 19hb Mac, 1986 yang menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Baikah.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, banjir kilat yang sering berlaku di Kuala Lumpur adalah

disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut:

- (i) hujan yang berlaku dengan keamatan yang tinggi dalam jangka masa yang singkat. Akibatnya air melimpah daripada longkang-longkang serta juga terjadi aliran balik ataupun, dengan izin, "back flow" daripada sungai-sungai;
- (ii) kelodakan di sungai-sungai yang disebabkan oleh kurangnya pengawalan undang-undang kerja tanah di luar kawasan Wilayah Persekutuan. Ini mengakibatkan berkurangnya muatan sistem pengaliran sungai dan seterusnya mengakibatkan berlakunya air melimpah dari tebing sungai dan membanjiri kawasan-kawasan rendah; dan
- (iii) keadaan tebing yang tidak kukuh sepertimana yang telah berlaku pada tebing Sungai Kelang yang telah runtuh akibat tekanan dan hakisan Sungai Kelang.

Kementerian Wilayah Persekutuan memang sentiasa mengambil perhatian yang berat mengenai kejadian banjir di Wilayah Persekutuan. Dalam perkara ini, Kementerian Wilayah Persekutuan telah dan sedang melaksanakan beberapa projek perparitan sebagai langkah-langkah mengelakkan berlakunya banjir kilat di Wilayah Persekutuan.

Di samping itu, satu pasukan khas ataupun "emergency squad", yang bertanggungjawab membersihkan sampah sarap di longkang-longkang dan sungai-sungai juga telah dibentuk. Pasukan khas ini telah dapat mengurangkan kemudaratan kejadian banjir di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Dewan Bandaraya telah menyiapkan 19 projek perparitan dengan perbelanjaan sebanyak \$26,639,000. Di samping itu, 4 buah projek lagi sedang dalam peringkat pembinaan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$11,540,000. Lima buah projek lagi sedang dalam peringkat reka bentuk dan penyediaan tawaran bangunan dengan anggaran kos sebanyak \$44,370,000. Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan pula telah membelanjakan sebanyak \$15 juta untuk projek perparitan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga penyelenggaraan sungai-sungai di Kuala Lumpur adalah di bawah jagaan dua Jabatan, iaitu:

- (i) Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan, dan
- (ii) Jabatan Parit dan Pembentukan Dewan Bandaraya.

Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah dan sedang menjalankan kerja-kerja tempatan banjir bagi kawasan-kawasan yang sering mengalami banjir kilat. Kawasan-kawasan yang telah diselamatkan dari banjir kilat termasuk Kepong Baru, Batu 4½ Jalan Kelang Lama, Jalan Kuchai Lama, Batu 7½ Jalan Sungai Besi. Kerja bagi menebatkan banjir kilat di Batu 7½ Jalan Ceras akan dijalankan pada tahun ini. Sehingga sekarang, Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah membelanjakan sebanyak \$15 juta untuk sistem perparitan bandar. Sebanyak \$2 juta lagi telah diperuntukkan bagi projek mencegah banjir kilat di Batu 3½ Jalan Ceras.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan

bahawa pihak Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk Dewan Bandaraya telah menubuhkan satu pasukan khas yang bertujuan untuk membersihkan sungai-sungai ataupun longkang-longkang besar yang mungkin tersumbat dan ini mengakibatkan berlakunya masalah banjir. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa nampaknya pasukan khas ini yang telah ditubuh jarang bergerak dan ada banyak aduan-aduan daripada orang ramai yang misalan telah diadukan kepada saya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan di sini bahawa pasukan ini dapat ditambah dengan anggota-anggotanya sekiranya ini ialah satu masalah berkaitan dengan kekurangan anggota supaya dapat menjalankan tugas dengan cara yang berkesan?

Yang kedua, berkenaan dengan projek-projek yang telah dirancangan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasi masalah banjir ini oleh kerana projek-projek ini akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan, maka buat sementara waktu sama ada pihak Kementerian mempunyai satu rancangan khas ataupun satu rancangan kilat untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku di Kuala Lumpur ini.

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, sekiranya ini menjadi satu halangan dan perlu kita ada tambahan dalam Pasukan Petugas, maka ini tidaklah menjadi masalah. Tetapi pada masa ini kita fikir Pasukan Petugas yang telah pun ditubuhkan adalah memadai sebab memandangkan komplek ataupun aduan-aduan yang kita terima dapatlah dan sangguplah Pasukan Petugas menjalankan dan mengambil

tindakan terhadap aduan-aduan yang dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya aduan yang disentuhkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi begitu banyak dikemukakan kepada beliau, maka kita mintalah supaya dapat dikemukakan terus kepada Dewan Bandaraya dan kita akan tengok kalau dari semasa ke semasa bertambah pula aduan itu, kita memang sentiasa mengkaji sama ada perlu diperbesarkan lagi anggota Pasukan Petugas ini.

Untuk soalan yang kedua pula, memanglah seperti saya katakan dalam jawapan saya tadi, banjir kilat yang berlaku dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini terjadi oleh kerana beberapa sebab dan dari masa ke semasa Kementerian dan juga dengan kerjasama Dewan Bandaraya yang mana saya sebutkan tadi ada dua jabatan yang ditugaskan khas untuk melihat supaya banjir dapat dikawal iaitu Jabatan Parit Dan Taliair, Wilayah Persekutuan dan Jabatan Perparitan dan Pembentongan Dewan Bandaraya, kedua-dua jabatan ini memang sentiasa menjalankan projek-projek yang telah dirancang dari sekarang sampailah di masa-masa akan datang.

Seperti saya katakan tadi memang banyak peruntukan yang diperuntukkan. Jadi tidak ada satu projek khas, rancangan kilat untuk mengatasi masalah banjir ini, memang kita ada satu rancangan yang lengkap, satu projek yang dapat dalam jangka panjang nanti mengatasi masalah banjir kilat di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak 10 tahun yang lalu banjir kilat telah pun sering berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan terutama apabila hujan

lebat. Adakah Kerajaan bercadang menjemput pakar-pakar dari negara asing bagi meneliti dan memperbaiki masalah tersebut?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pihak yang lebih tahu mengenai keadaan cuaca di negara kita sendiri adalah orang kita sendiri yang sentiasa berada di bandaraya kita, di negara kita ini yang dapat mengetahui dari setahun ke setahun apakah keadaan dan bagaimanakah hujan turun terutama di Bandaraya kita.

Pada masa baru-baru ini memang kita dapat tahu ada berlainan sedikit hujan turun terutama di Wilayah Persekutuan. Maka inilah yang mengakibatkan banjir kilat berlaku tetapi apa yang saya katakan tadi memang daripada masalah-masalah yang menyebabkan ini adalah keadaan hujan yang berlaku dengan kadar yang tinggi, kelodakan dan seterusnya tebing sungai. Ini dapatlah kita atasi dengan menggunakan pakar-pakar kita sendiri, tidaklah luar biasa perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada cadangan pada setakat ini sebab memang dalam rancangan kita pun kita telah mengambil kira semua perkara yang mengakibatkan banjir kilat dan kita pasti akan dapat menjayakan projek ini dalam jangka masa yang telah pun dirancangan.

RUMAH KOS RENDAH— MATLAMAT 80,000 UNIT

8. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat 80,000 unit rumah kos rendah setahun untuk tempoh 3 tahun akan datang sebagaimana

yang disebut dalam program perumahan khas; dan

- (b) oleh kerana program perumahan khas akan dilaksanakan oleh pemaju perumahan swasta ke atas tanah Negeri dan swasta, apakah langkah yang akan diambil untuk membantu pemaju-pemaju ini mengatasi masalah seperti kos tanah dan "holding charges" yang tinggi serta juga lain-lain masalah yang berkaitan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun):

Tuan Yang di-Pertua, jawapan soalan (a), bagi mencapai matlamat 80,000 unit rumah kos rendah setahun untuk tempoh tiga tahun mulai 1986, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menjaminkan kelicinan program khas itu. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (1) Mewujudkan satu sistem penyelarasan yang berkesan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti;
- (2) Jawatankuasa Utama telah pun ditubuhkan di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi tujuan ini.
 - (i) Semua Kerajaan Negeri telah diminta menubuhkan Jawatankuasa dengan maksud yang sama di peringkat negeri masing-masing.
 - (ii) menggalakkan penyertaan sektor swasta secara lebih aktif lagi dalam pembinaan rumah kos rendah dengan cara mempermudah proses-proses pembangunan perumahan seperti penubuhan Pusat Serenti (One-Stop-Agency) di semua negeri dan sebagainya.

(iii) menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dalam bentuk "bridging" dan juga "end financing", dengan izin, bagi menjayakan program khas ini.

(iv) kajian sedang dijalankan bagi menggalakkan pemasaran rumah menerusi usaha-usaha menurunkan kos unit dengan cara mengurangkan kos pembangunan dan bayaran-bayaran yang dikenakan kepada pembeli-pembeli. Kadar faedah yang rendah 10% akan juga dikenakan kepada pembeli untuk pinjaman perumahan.

(v) mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek di bawah program khas ini melalui penggunaan pelan-pelan seragam dan prosedur-prosedur yang lebih kemas lagi dalam bentuk garis panduan-garis panduan.

(vi) mewujudkan satu sistem pengesanan yang berkesan melalui penubuhan bilik-bilik gerakan di peringkat Persekutuan dan juga Negeri.

Jawapan (b), langkah-langkah seperti yang disebutkan di atas pada keseluruhannya akan mempercepat dan mempermudah perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan di bawah program khas ini. Langkah-langkah ini secara langsung akan mengurangkan holding charges atau holding cost dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyediakan senarai-senarai pembeli bagi menjamin kepastian dalam pemasarannya, penjualan rumah-rumah yang dibina. Langkah seperti ini dan yang lain-lain akan mengurangkan beban holding charges atau holding cost pemaju-pemaju sekalian.

Tuan Mamat Ghazalee bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mendapat tahu daripada segi pembiayaan perumahan peruntukan yang akan diperuntukkan oleh Kerajaan, berapa banyakkah peruntukan yang akan disalurkan oleh Kerajaan untuk menjayakan rancangan ini dan cara mana ianya akan disalurkan, daripada mana peruntukan ini akan diperolehi.

Yang kedua, yang saya hendak mendapat tahu sehingga ini adakah minat yang telah ditunjukkan oleh pihak swasta terhadap rancangan ini oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lepas, kita dapati sambutan dan prestasi swasta di dalam perumahan kos rendah ini sangat tidak baik.

Yang ketiga, saya hendak bertanya di peringkat manakah yang akan menyusul, monitor program ini sama ada di peringkat Kementerian ataupun di peringkat yang lebih tinggi lagi, misalnya, di Jabatan Perdana Menteri?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan, yang pertama berkenaan dengan peruntukan, \$2 billion telah disediakan untuk program khas ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya agak Yang Berhormat lupa Tuan Yang di-Pertua ada di sini.

Dato' Chan Siang Sun: Maaf Tuan Yang di-Pertua, \$2 billion telah disediakan untuk projek atau program khas ini, di mana \$1.5 billion akan sampai daripada bank-bank saudagar dan sebagainya, \$1/2 billion akan disampaikan dari Bank Negara. Jadi dengan peruntukan ini saya fikir akan dapat mencukupi untuk membiayai projek-projek yang telah ditetapkan.

Yang kedua, berkenaan dengan minat swasta untuk mengambil bahagian dalam rancangan atau program khas ini, setakat ini memanglah menggalakkan. Sungguhpun program ini adalah satu program khas, satu program yang baru, jadi tentulah ada pihak-pihak yang ingin bertanya untuk memastikan dari segi perjalanan dan kelicinan projek ini dan setakat hari ini dari segi minat adalah menggalakkan.

Yang ketiga, pihak mana yang akan monitorkan projek ini, buat masa sekarang akan dapat dimonitorkan oleh EPU di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi bersama-sama dengan Kementerian saya, iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan oleh kerana ini adalah satu projek, seperti saya katakan tadi, untuk mengstimulatekan ekonomi yang mana akan dapat menambahkan 2% dari segi ekonomi negara, jadi ini tentulah akan dispearheadkan oleh EPU dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa suatu Jawatankuasa Utama telah ditubuhkan di peringkat Persekutuan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Jawatankuasa Utama ini belum lagi dapat memutuskan soal-soal dasar, asas, pembahagian kerja-kerja awalan yang perlu dilakukan bagi pencapaian 240,000 unit dalam masa 3 tahun.

Yang kedua, setakat ini adakah Kerajaan sedar bahawa kerja-kerja awalan atau physical work belum lagi bermula. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang boleh mempercepatkan tindakan Kementerian bagi membolehkan rumah-rumah ini dibina dalam kadar yang segera?

Yang ketiga, adakah Kementerian dapat menjangkakan bahawa 240,000 unit ini dapat diselesaikan dalam 3 tahun seperti yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini oleh kerana seperti saya katakan tadi ini ialah satu rancangan khas atau rancangan barangkali baru sedikit, jadi tentulah akan mengambil masa untuk berbincang, untuk memastikan, untuk mengenalpasti dan sebagainya. Jadi di peringkat Persekutuan, Jawatankuasa ini sudah bermesyuarat beberapa kali, tentulah seperti yang saya katakan tadi ada reaksinya, seluk-beluk dari segi pelaksanaan dan sebagainya. Jadi ini tentu akan mengambil masa sedikit. Pada keseluruhannya reaksi daripada Kerajaan-kerajaan Negeri bolehlah dikatakan sangatlah menggalakkan.

Berkenaan dengan 240,000 unit ini bolehkah kita selesaikan atau dibina dalam jangka masa 3 tahun ini, ini sudah tentu kita berkehendakkan kerjasama dari semua pihak. Apa yang saya sebutkan tadi langkah-langkah itu bukanlah daripada peringkat Persekutuan sahaja kita kena mengusahakan, tetapi lebih-lebih lagi kita minta kerjasama khasnya daripada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya target kita ini atau sasaran kita ini dapatlah dipenuhi.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah berkata bahawa harga rumah kos rendah akan diturunkan, berapa banyakkah harga tersebut akan diturunkan, dan bilakah perkara itu akan dilaksanakan atau adakah ini suatu pengumuman publisiti pra-pilihanraya?

Dato' Chan Siang Sun: Soalan yang akhir itu saya menafikan tidak

semacam itu, ini cuma DAP sahaja yang ada buat begitu.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab itu saya membenarkan soalan itu untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat menafikan.

Dato' Chan Siang Sun: Ya, insya Allah. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, dari segi merendahkan atau mengurangkan kos rumah rendah ini adalah beberapa faktor khasnya berkenaan dengan harga tanah, kos pembinaan dan sebagainya. Tetapi pada keseluruhannya Kerajaan khasnya dalam Rancangan Malaysia Kelima ini satu konsep pada dasarnya untuk memberikan keselesaan dari segi penempatan manusia (*human settlement*) yang sempurna, kita dapat praktikkan atau dapat dijalankan supaya rakyat khasnya penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah pun ada kebolehan mempunyai atau mengowonkan rumah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa mengowonkan.....

Dato' Chan Siang Sun: Memiliki.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi saya sudah benarkan "mengspearheadkan" (*Ketawa*) kalau "mengowonkan" sudah keterlaluan, saya tidak boleh izinkan.

Dato' Chan Siang Sun: Insya Allah. Jadi dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini tentulah satu kejujuran, keikhlasan dan juga satu praktis yang kita akan dapat memberikan kepada rakyat kita dari segi kos pembinaan rumah kos rendah.

Sungguhpun sekarang ini program rancangan khas ini cuma \$25,000 seunit, tetapi ada kemungkinan dia boleh diturunkan lagi. Ini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri buat pengumuman itu supaya pada keseluruhannya dari segi pembinaan

atau dari segi meminta kerjasama daripada Kerajaan Negeri kita dapatlah diberikan, dengan semua langkah-langkah ini kita dapat mengurangkan kos ini supaya penduduk-penduduk ini rakyat yang berpendapatan rendah itu pun ada kebolehan untuk memilikinya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ternyata dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan begitu yakin sekali bahawa program perumahan ini akan dapat mengatasi berbagai-bagai masalah ekonomi dan sebagainya. Saya ingin bertanya agaknya kira-kira berapakah peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan daripada skim 3 tahun ini berapa peratus agaknya kadar pengangguran yang dapat dikurangkan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan satu angka yang mana berapa pekerjaan akan dapat diberikan, tetapi dengan program khas ini segala perhatian akan dapat ditumpukan kepada pekerja-pekerja yang pada masa sekarang sudah hilang kerja, keutamaan akan diberikan kepada mereka supaya dapatlah sedikit-sebanyak kita menolong membantu supaya mereka tidaklah menghadapi kesusahan semacam ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu dalam angka 80,000 unit rumah kos rendah yang akan dibina setiap tahun dalam rancangan perumahan khas ini, berapa unit yang akan dibina oleh pihak swasta dan juga berapa unit yang akan dibina melalui projek usahasama.

Kedua, adakah benar bahawa Persatuan Pemaju Perumahan (HDA)—Housing Developers Association, dengan izin, telah

menyampaikan beberapa syor kepada Kementerian tentang bagaimana mereka boleh melaksanakan sumbangan mereka dalam pembinaan rumah kos rendah ini dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah syor-syor yang telah disampaikan oleh HDA ini dan sama ada pihak Kementerian yang berkenaan boleh menimbang dan melaksanakan syor-syor itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dari segi berapakah projek-projek akan dapat dilaksanakan oleh pihak swasta dan juga pihak awam, kedua-dua ini buat masa sekarang kita tidak dapat mengenal pasti projek-projek ini oleh kerana kita masih dapat senarai-senarai daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengenal pasti atau mengemaskinikan senarai-senarai itu lagi. Tetapi apa yang saya katakan tadi bagi swasta, adalah minat dan juga projek-projek yang banyak yang mereka hendak mengambil bahagian dalam program khas ini.

Soalan yang kedua berkenaan dengan HDA—Persatuan Pemaju Perumahan, ada menyampaikan beberapa syor kepada saya, pada hari semalam sahaja—baru sahaja, tetapi tidak dengan cara bertulis, jadi semalam pun saya telah minta supaya cadangan-cadangan atau syor-syor itu akan dapat diberikan secara bertulis kepada saya supaya dapat dikaji dan juga dapat diadakan dialog dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya sedikit sebanyak dapat kita menyelesaikan syor-syor atau cadangan-cadangan yang disampaikan kepada saya itu.

HOSPITAL DAERAH PADANG TERAP/PEMBINAAN

9. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah peruntukan yang telah diluluskan bagi tujuan membiayai

pembinaan hospital-hospital di seluruh negara bagi tahun 1986 dan berapakah bilangan hospital-hospital yang akan didirikan mengikut negeri-negeri dan adakah pembinaan termasuk sebuah hospital yang telah lama dirancangan dalam Daerah Padang Terap, Kedah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$81,549,370 telah pun diluluskan bagi Kementerian Kesihatan untuk tahun 1986 untuk pembinaan hospital-hospital.

Bilangan hospital-hospital yang akan didirikan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Hospital</i>
Kedah	1
Perak	2
Pahang Darul Makmur..	2
Terengganu	1
Sarawak	6
Jumlah	12

Mengenai Hospital Daerah Baru Padang Terap di Daerah Padang Terap, Kedah yang dicadangkan itu, Kementerian belum lagi mendapat peruntukan untuk membinanya pada masa ini.

KAPAL PENANGKIS RAMJAW (MCMV)—PENYERAHAN

10. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab-sebab kapal-kapal penyapu periukapi yang dipesan dari Itali terlambat sampai ke tanahair. Bilakah tarikhnya akan tiba.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, kelewatan penyerahan kapal-kapal Penangkis Ramjau (MCMV)

yang dipesan dari Italy adalah disebabkan oleh masalah-masalah berikut:

- (a) Pengubahsuaian Jambatan Colombiera untuk membolehkan kapal-kapal besar keluar ke laut.
- (b) Permit import alat-alat kelengkapan ketenteraan yang dibekalkan oleh Kerajaan.
- (c) Masalah teknikal semasa pembinaan kapal tersebut.

Walau bagaimanapun, kesemua masalah teknikal telah pun diatasi dengan sempurna oleh pihak limbungan INTERMARINE di Italy. Semua peralatan kapal telah diuji sepenuhnya mengikut kehendak kontrak dan technical specification, dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapal-kapal tersebut telah pun belayar pulang ke tanahair pada 19hb Februari, 1986 dan dijangka tiba di Pelabuhan Kelang pada 27hb Mac, 1986.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa banyakkannya belanja yang terpaksa dibelanjakan dalam mengatasi masalah-masalah teknik yang diterangkan tadi terutama di dalam mengubahsuai jambatan sebelum kapal itu dapat dikeluarkan daripada dockyard, dan belanja yang dikeluarkan itu siapakah yang menanggungnya, sama ada sudah disyaratkan di dalam perjanjian asal atau terpaksa kita tambah belanja baru untuk mengatasi masalah-masalah teknik ini.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan jambatan, kita tidak membayar satu sen pun. Itu ditanggung oleh limbungan

INTERMARINE. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, di atas kelewatan ini, limbungan INTERMARINE telah didenda sebanyak \$11,243,060.76.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih jelas, pertama, apakah sebenarnya kos kapal (vessel) ini dan berapa lama kelambatan dihadapi dan semua perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan apabila dibandingkan dengan kos kontrak yang asal dan denda atau semua kerugian-kerugian yang dibayar oleh syarikat tertentu.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, harga original cost bagi setiap kapal ialah \$99.5 juta dan saya telah maklumkan sebentar tadi berkenaan dengan denda yang telah dibayar oleh limbungan kepada Kerajaan Malaysia dan tidak ada lain kos yang dikenakan.

MENANGKAP IKAN DIPERAIRAN ZON EKONOMI EKSKLUSIF

11. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah kedudukan dan perkembangan tentang perjanjian penangkapan ikan di laut dalam dengan negara-negara jiran, terutama dengan Thailand. Apakah kajian yang teliti telah dilakukan oleh pihak Kerajaan yang ianya akan menguntungkan nelayan tempatan dan negara atau sebaliknya risiko-risiko yang akan ditanggung.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan Thailand untuk merunding permohonan nelayan-nelayan Thailand untuk menangkap

ikan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia secara usahasama dengan nelayan-nelayan tempatan. Dalam perundingan tersebut Malaysia telah mengemukakan satu deraf cadangan perjanjian dua hala tetapi tidak ada apa-apa persetujuan mengenai cadangan itu diperolehi pada akhir perundingan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah mengkaji dengan teliti mengenai perkara ini dan telah terdapat supaya di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia dikehendaki negara-negara jiran untuk menangkap ikan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif sekiranya perairan tersebut tidak dieksploitasi oleh rakyatnya sendiri dengan sepenuhnya. Malaysia telah menandatangani konvensyen tersebut pada tahun 1982.

Memandangkan sumber-sumber di perairan Zon Ekonomi Eksklusif tidak dieksploitasikan dengan sepenuhnya maka Malaysia wajib membenarkan nelayan-nelayan asing menangkap ikan secara usahasama dengan nelayan-nelayan tempatan di perairan tersebut.

Dalam kajian yang telah dijalankan itu, Malaysia telah memilih strategi yang terbaik iaitu melalui usahasama menangkap ikan dengan rakyat asing yang mana nelayan-nelayan tempatan akan menikmati faedah-faedah seperti:

- (a) pemindahan ekuti kepada pengusaha Malaysia;
- (b) pemindahan teknologi; dan
- (c) latihan kepada nelayan-nelayan Malaysia.

Usahasama ini adalah untuk satu tempoh spesifik sahaja iaitu untuk 5 tahun. Pada akhir tempoh 5 tahun tersebut, nelayan-nelayan Malaysia akan berupaya untuk mengambilalih projek tersebut.

Selain daripada itu, draf perjanjian dua hala yang dikemukakan itu, Kerajaan Thailand adalah bertanggungjawab kepada aktiviti-aktiviti nelayan-nelayannya yang menangkap ikan di perairan Malaysia. Peruntukan ini adalah untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan tempatan. Dalam usahasama ini risiko yang dihadapi adalah minima oleh kerana nelayan Thai akan memperuntukkan bot dan pengusaha-pengusaha Malaysia hanya menyertai usahasama ini dengan membiayai kos pengendalian operasi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin saya dapat tahu perjanjian usahasama antara Malaysia dengan Thailand tentang menangkap ikan di Malaysia. Adakah usahasama ini memberi erti bahawa nelayan-nelayan Malaysia berhak juga menangkap ikan di negara mereka atau hanya bagi pihak nelayan-nelayan negara Thailand sahaja berhak menangkap ikan di Malaysia sahaja.

Yang kedua, dalam perjanjian itu, adakah telah dibuat perjanjian bahawa beberapa bot sahaja dihadkan daripada negara Thailand boleh datang menangkap ikan di Malaysia ini ataupun dibuka peluang sebeb-bebasnya. Ertinya berapa banyak pun bot-bot dari Thailand boleh datang menangkap ikan dengan bebasnya.

Yang ketiga, adakah tiap-tiap bot daripada negara Thailand yang mahu datang menangkap ikan di Malaysia mesti mendapat kebenaran dahulu daripada Kerajaan Thailand, kemudian Kerajaan Thailand memberitahu Kerajaan Malaysia bahawa bot nombor sekian, nombor sekian ataupun perjanjian ini tidak dibuat. Terima kasih.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang

pertama, saya ingin terangkan sekali lagi bahawa mengikut Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu, setiap negara yang menandatangani Konvensyen ini haruslah mengeksploitasikan sumber-sumber laut di Perairan Zon Ekonomi Eksklusif dengan sepenuhnya dan sekiranya ini tidak dibuat, maka mengikut undang-undang ini negara yang tersebut wajib buka perairan itu kepada nelayan-nelayan asing terutama sekali daripada negara-negara jiran. Dengan lain perkataan, kalau nelayan sendiri tidak menangkap, jadi Kerajaan di negara itu wajib melesenkan bot-bot nelayan-nelayan negara asing menangkap ikan di Perairan Zon Ekonomi Eksklusif kerana mengikut undang-undang ini tidak mana-mana negara yang bersikap sebagai "dog in the manger". Jadi, untuk menjawab soalan yang pertama sekiranya sumber-sumber laut di Perairan Zon Ekonomi Eksklusif Thailand tidak dieksploitasi dengan sepenuhnya oleh nelayan-nelayan Thailand, maka nelayan-nelayan Malaysia boleh memohon kebenaran lesen untuk menangkap ikan di perairan Thai.

Soalan yang kedua, saya ingin terangkan bahawa perjanjian ini masih dalam rundingan dan tidak ada persetujuan muktamad, tetapi dalam perjanjian ini Malaysia telah mencadangkan bahawa bilangan bot dari Thai yang datang dihadkan.

Yang ketiga, sama ada bot Thai mesti dapat kebenaran Thailand, Kerajaan Malaysia mencadangkan bahawa Kerajaan Thai memikul tanggungjawab bagi segala kegiatan bot-bot Thai di perairan Malaysia Zon Eksklusif Ekonomi sekiranya perjanjian dicapai dan dilaksanakan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, kalau

mengikut daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa kawasan ini wajib, katanya, dibenarkan oleh nelayan-nelayan asing mengeksploitasi kawasan tersebut untuk mendapat penangkapan ikan. Jadi, perjanjian penangkapan ikan ini, adakah perjanjian kita membenarkan mereka itu masuk ke kawasan kita atau perjanjian untuk mengadakan usahasama sahaja. Kalau mengikut jawapan tadi, bahawa perkara ini telah merupakan wajib. Sudahkah ada nelayan-nelayan asing yang besar yang telah membuat usahasama dengan negara kita setakat ini dan apakah negara kita berkemampuan untuk mengawal kawasan Zon Ekonomi Eksklusif itu kalau sekiranya dimasuki oleh nelayan asing, selepas itu dimasuki juga oleh nelayan-nelayan yang tidak ikut melalui perjanjian. Adakah kita berkemampuan mengawal kawasan tersebut?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memanglah lebih suka sumber-sumber laut di Zon Ekonomi Eksklusif dieksploitasikan oleh nelayan-nelayan Malaysia sendiri dengan sepenuhnya. Sekiranya ini tidak berlaku maka lebih baik kita mengadakan usahasama (joint venture) dengan nelayan-nelayan asing. Jadi, setakat ini yang dirundingkan cuma usahasama, tetapi saya ingin tegaskan di sini bahawa sekiranya nelayan-nelayan Malaysia sendiri tidak menangkap ikan di perairan Zon Ekonomi Eksklusif dan tidak ada usahasama dan sumber laut itu tidak dieksploitasi dengan sepenuhnya, maka mengikut undang-undang kita wajib melesenkan nelayan-nelayan asing.

Yang kedua, sama ada nelayan-nelayan dari negara lain buat usahasama secara besar-besaran dengan nelayan-nelayan tempatan, buat masa ini tidak begitu banyak yang buat usahasama tetapi Kerajaan Malaysia menggalakkan usahasama

bukan sahaja dengan nelayan-nelayan Thai, tetapi dengan nelayan-nelayan dari mana-mana negara pun asalkan nelayan tempatan akan mendapat faedah dan kepentingan mereka dijaga.

Yang ketiga tentang kawalan. Mengikut perjanjian, kawalan ini bukan sahaja tanggungjawab Malaysia tetapi sekiranya perjanjian diluluskan, kawalan itupun jadi tanggungjawab bersama Kerajaan Thai.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana nelayan-nelayan kita di Terengganu dan Kelantan ada mendesak demi kepentingan mereka bahawa perjanjian ini dibatalkan atau usaha-usaha perjanjian ini dibatalkan, tidakkah Kerajaan menimbang dengan seriusnya desakan-desakan mereka?

Kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai peruntukan-peruntukan dalam Convention Law of the Sea, bukankah benar bahawa Convention Law of the Sea belum dikuatkuasakan dan kalau Law of the Sea belum dikuatkuasakan kenapa kita mahu mematuhi kepada peruntukan-peruntukan dan tidak menghiraukan kepentingan nelayan-nelayan kita di Terengganu dan di Kelantan?

Ketiga, adakah negara Thailand mengakui mengiktirafkan tuntutan kita Zon Ekonomi Eksklusif 200 nautical miles? Dan kalau Thailand tidak sedia untuk mengakui EEZ kita, kenapa lagi kita mahu ketepikan kepentingan nelayan-nelayan kita untuk mematuhi peruntukan dalam satu sistem di mana tidak ada reciprocal arrangement?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian usahasama ini belum lagi diputuskan dan ditandatangani, jadi soal membatalkan itu tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memang sedar bahawa di kalangan masyarakat nelayan terutama sekali di negeri-negeri Pantai Timur mereka merasa tidak begitu senang hati tentang apa yang dicadangkan dan sedang dirundingkan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah dan sedang diambil oleh Jabatan Perikanan dan LKIM untuk menjelaskan kepada mereka bahawa sekiranya perjanjian ini ditandatangani peruntukan-peruntukan yang cukup untuk menjaga kepentingan mereka tentu akan berada.

Tentang soalan yang kedua, seperti saya katakan tadi, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1982.

Yang ketiga, sama ada Thailand menuntut hak Malaysia dalam Zon Eksklusif Ekonomi, saya tidak sedar tetapi sekiranya tidak mengiktiraf tentu mereka tidak akan berunding dengan pihak Malaysia.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan takrif "full exploitation" ataupun penggunaan sepenuh sumber laut sebagaimana dipakai dalam undang-undang apa yang disebutkan tadi, apakah sebenarnya makna "full exploitation" atau penggunaan sepenuhnya ini? Dan adakah dengan cara kita mengadakan usahasama ini bermakna dengan usahasama yang akan diadakan dengan Thailand ini kita akan meneroka sepenuhnya sumber-sumber perikanan laut di negara kita? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pada masa ini pun dengan tidak ada usahasama dengan negara Thailand bahawa rakyat di negara kita, saya boleh buktikan di Terengganu, sebenarnya telah pun meneroka lautan

jauh kita yang boleh memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah Konvensyen yang dikatakan itu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian di dalam penerangan beliau telah memberikan jaminan kepada nelayan-nelayan dan juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang menentang tentang cadangan ini bahawa usahasama ini tidak akan ditandatangani dengan Thailand dengan tidak ada perundingan terlebih dahulu dan tidak ada persetujuan terlebih dahulu di antara Kementerian dan juga pihak-pihak yang berkenaan seperti Persatuan Nelayan dan sebagainya?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu definasi yang tepat tentang eksploitasi sepenuhnya kerana ini merupakan satu yang perlukan kepakaran undang-undang.

Saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat itu tentang definasinya. Tetapi saya boleh mengatakan di sini bahawa mengikut undang-undang ini kawasan yang dikuasai oleh Malaysia dibesarkan dari 12 batu notika sehingga 200 batu notika. Dan di Zon Ekonomi Eksklusif di Lautan China Selatan setakat ini eksploitasi oleh nelayan-nelayan tempat dan bot-bot tempatan sedikit sangat walaupun ada beberapa nelayan yang menggunakan pukut bulu yang pergi ke jauh tetapi pada keseluruhannya tidak banyak.

Soalan yang kedua, sama ada dengan usahasama ini akan dieksploitasi dengan sepenuhnya, ini belum tahu lagi.

Soalan ketiga, Yang Berhormat Menteri Pertanian boleh katalah sentiasa berjuang kepentingan nelayan-nelayan Malaysia dan dalam

konteks ini apa-apa perjanjian yang dirundingkan itu konsultasi dengan sepenuhnya tentu akan dilakukan dengan Persatuan-persatuan Nelayan dan kepentingan mereka tentu akan diambilkira dan Kerajaan akan jamin bahawa kepentingan nelayan Malaysia dikekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Arshad.

(Soalan No. 12 Y. B. Tuan Ismail bin Arshad tidak hadir)

AKTA TANDA HALAL— PENGUATKUASAAN

13. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah Akta Tanda Halal akan siap dan dapat berjalan kuatkuasanya memandangkan penyelewengan tanda Halal di tempat-tempat makan dan di bungkusan-bungkusan makanan yang banyak mengelirukan umat Islam di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji kedudukan undang-undang mengenai perkara-perkara ini. Sama ada pindaan tertentu akan dibuat ke atas undang-undang yang sedia ada atau menggubal satu Akta yang baharu belum lagi ditentukan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini pengawasan terhadap penggunaan perbahasan HALAL sudahpun dilakukan oleh Kementerian saya melalui kuatkuasa 2 perintah yang diwujudkan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 iaitu:

- (1) Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal), 1975;

- (2) Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.

Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan Halal) 1975 adalah mengenai takrifan perbahasan HALAL, DITANGGUNG HALAL dan perbahasan-perbahasan lain yang seumpamanya jika digunakan ke atas bahan-bahan makanan. Para pengeluar dan pengusaha bahan-bahan makanan adalah dibenarkan mengguna perbahasan "halal" ini dengan syarat mereka mematuhi kehendak-kehendak perintah ini. Akan tetapi, sekiranya mereka menyalahgunakan perbahasan tersebut, maka tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 akan diambil terhadap mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pegawai-pegawai Kementerian saya dengan kerjasama pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri-negeri sentiasa menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa di premis syarikat-syarikat pengeluar dan kedai-kedai makan untuk memastikan tidak ada para pengeluar dan pengusaha bahan-bahan makanan yang menyalahgunakan perihal dagangan ini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengenai tulisan "Ditanggung Halal", adakah tidak patut jika ditukar daripada kalimah "Ditanggung Halal" iaitu dimaksudkan ditanggung Halal itu ertinya tidak ada bahan-bahan babi erti saya rasa begitulah maksudnya. Kenapakah tidak boleh ditulis tidak ada bahan-bahan babi, kerana sebab ditanggung halal ini maknanya amat besar perkara yang membawa kepada Kerajaan akan berdiri di hadapan

Tuhan di hari akhirat sekiranya ada di dalamnya itu bahan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ini boleh bertanya, tidak boleh berucap atau bersyarah.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ini tidak bersyarah, Tuan Yang di-Pertua. Cuma pertanyaan itu adalah berbelit sedikit. Oleh itu, adakah Yang Berhormat bercadang agar ditukar daripada kalimah ditanggung halal kepada kalimah tidak ada bahan-bahan babi, itu soalnya.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi bahawa di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perbahasaan Halal) 1973 kita tidak hanya menggunakan perkataan "halal", "ditanggung halal", tetapi apa-apa perkataan yang seakan-akan bermaksud sedemikian. Mungkin ada perkataan-perkataan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh juga digunakan untuk menjelaskan tentang kandungan. Walaupun Yang Berhormat tadi menyatakan tidak bolehkah menggunakan perkataan yang lebih jelas seperti "tiada bahan-bahan babi". Tetapi di dalam takrif perbahasaan ini ada perkara-perkara yang dimaksudkan.

Empat perkara yang sebenarnya. Kalau dapat, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan dengan ringkas iaitu:

- (a) Bukanlah dan juga tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak;
- (b) tidaklah mengandungi apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak;

(c) tidaklah disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari apa-apa najis mengikut hukum syarak; dan yang akhir sekali;

(d) tidaklah di dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak perenggan yang saya sebutkan tadi (a), (b) dan (c) ataupun apa-apa benda yang difikirkan sebagai najis mengikut hukum syarak.

Jadi, tidaklah semestinya babi sahaja. Apa yang ditakrifkan tadi mungkin kandungan-kandungan lain yang disebutkan sebagai najis juga termasuk dalam istilah perbahasaan halal itu.

TEREN KOTA BHARU—KUALA LUMPUR—MASA PERJALANAN

14. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah dan ikhtiar Keretapi Tanah Melayu (KTM) untuk memendekkan masa perjalanan keretapi dari Kota Bharu (Kelantan) ke Kuala Lumpur yang sekarang ini puratanya mengambil masa selama 20 (dua puluh) jam, sedangkan masa yang diambil di dalam perjalanan dengan bas adalah kira-kira (10) sepuluh jam sahaja. Apakah sikap dan keputusan Kerajaan terhadap rancangan keretapi laju yang pada suatu ketika dahulu telah dihebahkan sebagai akan dilaksanakan dengan agak segera.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Leong Sik): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan bahawa sebelum bulan Julai, 1985 perjalanan teren dari Tumpat/Kota Bharu ke Kuala Lumpur

sememangnya mengambil masa dalam lingkungan purata 20 jam. Ini adalah kerana keseluruhan landasan di cawangan Pantai Timur pada ketika itu telah usang dan teren-teren terpaksa dilarikan dengan perlahan untuk menjamin keselamatan.

Kerja-kerja pemulihan telah selesai dilaksanakan terhadap sebahagian dari landasan cawangan Pantai Timur pada bulan Julai, 1985 dan pelarian teren-teren telah dipercepatkan di bahagian landasan yang telah dipulihkan sehingga membolehkan masa pelarian teren-teren mel dikurangkan ke 18 jam iaitu penjimatan dua jam.

Apabila pemulihan keseluruhan landasan di cawangan Pantai Timur siap kelak yang mana kerja-kerja akan dilaksanakan tidak lama lagi, penjimatan masa sebanyak dua jam lagi akan diperolehi menjadikan masa pelarian teren mel dalam lingkungan 16 jam.

Perkara-perkara yang menyebabkan masa begitu panjang diambil oleh teren mel biasa berbanding dengan bas ekspres adalah disebabkan oleh dua faktor seperti berikut:

- (1) Teren mel terpaksa melalui stesen simpang (junction station) di Gemas untuk mengubah haluan dari cawangan Pantai Timur ke jalan induk ke Kuala Lumpur atau sebaliknya. Manakala bas ekspres dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur akan melalui Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak iaitu jalan pintas yang dapat menjimatkan masa dan juga jarak perjalanan.
- (2) Teren mel apabila tiba di Gemas terpaksa mengambil masa di antara dua hingga tiga jam untuk keperluan operasi di mana juga pelangsiran dilaksanakan

bagi menyambung koc-koc ke teren-teren untuk ke Kuala Lumpur dan Singapura. Peraturan begini terpaksa dilakukan kerana ketiadaupayaan pentadbiran melarikan teren-teren berasingan terus dari Tumpat ke Kuala Lumpur dan sebaliknya akibat kekurangan koc-koc dan lokomotif-lokomotif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa perjalanan yang diambil seperti yang disebutkan adalah bagi teren mel biasa yang dihadkan kelajuannya pada 45 bsj sahaja. Dengan pembelian koc-koc serta lokomotif-lokomotif baru yang mudah-mudahan akan terlaksana melalui Rancangan Malaysia Kelima nanti teren-teren ekspres dengan kelajuan 55 bsj sahaja akan dilarikan terus dari Tumpat ke Kuala Lumpur atau sebaliknya sebagai satu teren tanpa pembaziran masa di Gemas untuk urusan seperti yang saya sebutkan di atas.

Dengan pelarian teren-teren ekspres ini nanti.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebab masa kita sudah cukup, mahukah Yang Berhormat terus kepada bahagian kedua soalan iaitu apakah sikap dan keputusan Kerajaan terhadap rancangan keretapi laju dan sebagainya.

Dato' Dr Ling Leong Sik: Apa yang saya baca sekarang ialah jawapan untuk soalan kedua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelarian teren-teren ekspres ini nanti yang akan berhenti di stesen-stesen tertentu sahaja masa perjalanan akan dapat disingkatkan ke tahap kurang dari 10 jam.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1-6, 12, 15 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

SKIM PAMPASAN RISDA

1. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sejak Skim Pampasan RISDA dilancar berapa ramaiakah pekebun-pekebun kecil yang telah menyertainya;
- (b) adakah benar skim ini kurang mendapat sambutan, jika benar adakah RISDA bercadang memperhebatkan lagi kempen-kempen penerangan dan apakah cara-cara lain yang akan diambil oleh RISDA untuk memastikan skim ini benar-benar berjaya; dan
- (c) setakat manakah rancangan mempelbagaikan pendapatan pekebun-pekebun kecil dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

- (a) Sejak Skim Pampasan RISDA dilancarkan, seramai 23,563 orang pekebun kecil telah menyertainya setakat 31hb Disember, 1985.
- (b) Memang benar Skim Pampasan RISDA ini kurang mendapat sambutan daripada pekebun kecil. Mengikut kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan RISDA pada November 1985, hanya 4.05% saja pekebun kecil yang menyertai skim ini. Mengikut kajian ini sebab-sebab mengapa kurangnya

pekebun kecil menyertai skim ini antaranya ialah:

- (a) Kurang penerangan mengenai skim ini;
- (b) Masalah kewangan;
- (c) Masalah fahaman agama dan lain-lain.

Oleh itu pihak RISDA sedang berusaha untuk memperhebatkan lagi penerangan mengenai skim ini untuk menarik lebih ramai lagi pekebun kecil menyertai skim ini.

- (c) RISDA telah menjalankan rancangan mempelbagaikan pendapatan pekebun kecil dengan cara mempelbagaikan sumber pendapatan selain dari getah. Sistem ini dinamakan SEPERDU. Antara aktiviti dalam sistem ini ialah:
 - (i) menanam tanaman jangka pendek, seperti tanaman kontan, tanaman jangka masa pertengahan dan panjang seperti pisang dan rotan;
 - (ii) menjalankan pemeliharaan ternakan seperti ternakan biri-biri, ayam, lebah madu dan lain-lain;
 - (iii) menjalankan industri kampung seperti penanaman cendawan, memproses makanan seperti kerepek pisang dan ubi, jem nenas dan sebagainya.

Pendapatan mereka akan bertambah bergantung kepada sejauh mana penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Sebagai contoh, seorang petani di Grik, Perak telah mendapat menambah pendapatan beliau melebihi \$100.00

sekar sebulan dengan mengusahakan tanaman salingan koko. Bilangan pekebun kecil yang terlibat dan

keluasan sebahagian aktiviti-aktiviti yang dijalankan sehingga akhir tahun 1985 adalah seperti berikut:

<i>Nama Projek</i>	<i>Bil. Peserta</i>	<i>Unit</i>
Rotan	89	301¼ ekar
Biri-biri	31	1,096 ekar
Kontan	3,244	4,181 hektar
Lebah Madu	65	507 haifs

KEMATIAN KEMALANGAN DI JALAN RAYA

2. Tuan Bahari bin Harun minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kematian kemalangan di jalan raya sepanjang tahun 1985;
- (b) apakah sebab-sebab utama berlakunya kemalangan-kemalangan tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan kemalangan-kemalangan di jalan raya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):

- (a) Jumlah kematian kemalangan di jalan raya untuk tahun 1985 yang diperolehi ialah sehingga bulan September, 1985 yang menunjukkan sejumlah 3,304 orang telah dilaporkan mati, berbanding dengan sepanjang tahun 1984 seramai 3,344 orang.
- (b) Menurut perangkaan yang dikumpulkan oleh pihak Polis sebab-sebab utama berlakunya kemalangan adalah seperti berikut:

- (i) Kesalahan pemandu (93.44%) seperti memandu dengan tidak menumpu sepenuh

perhatian di jalan raya, memandu dengan laju dan membahayakan, kesalahan meletak kenderaan, memotong kenderaan tanpa menghiraukan pengguna jalan raya yang lain, membawa muatan yang berlebihan atau penumpang terlalu ramai;

- (ii) Kesalahan oleh pejalan kaki (3.16%) seperti berjalan sambil lewa dan menyeberang di tempat yang tidak dibenarkan.

- (iii) Keadaan jalan (1.24%); dan

- (iv) Penglibatan binatang (1.06%).

- (c) Bagi mengurangkan kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan-jabatan berkaitan dan melibatkan golongan pemandu-pemandu adalah seperti berikut:

- (i) Perlaksanaan dan penguatkuasaan Alat Amaran Had Laju ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan

dan bas-bas persiaran dan ekspres yang lebih 4500 kg. berat dengan muatannya;

- (ii) Meningkatkan kesedaran pemandu-pemandu kenderaan tentang betapa mustahaknya diutamakan keselamatan jalan raya, melalui ceramah, penerangan, dailog dan kursus yang dianjurkan dari masa ke semasa di seluruh negara.
- (iii) Menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dengan tujuan menambah kesedaran pemandu-pemandu terhadap keselamatan jalan raya terutamanya di musim-musim cuti perayaan.
- (iv) Melaksanakan Sistem KEJARA yang berobjektif untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu di samping mengurangkan kemalangan jalan raya.
- (v) Mengedarkan bahan kempen keselamatan jalan raya seperti pelekat kereta dan isyarat lalulintas yang kemaskini untuk kegunaan orang ramai dengan tujuan menimbulkan rasa keinsafan, di samping menayangkan filem-filem keselamatan jalan raya di TV.
- (vi) Di masa akan datang Jabatan Pengangkutan Jalan bercadang untuk

memperkenalkan beberapa perkara baru bagi mengurangkan kemalangan seperti:

- (i) Mengadakan latihan bagi pengajar-pengajar pemandu dengan tujuan untuk meninggikan lagi taraf pendidikan dan latihan sekolah memandu bagi membimbing bakal pemandu menjadi lebih cermat dan bertimbang rasa;
- (ii) Menambah hukuman denda dan hukuman penjara bagi kesalahan lalulintas.

PENSWASTAAN PERBADANAN AWAM

3. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan projek Kerajaan serta perbadanan awam yang telah diswastakan. Apakah jenis projek atau perbadanan awam dan siapakah (iaitu orang atau syarikat yang berjaya) yang terlibat. Apakah tingkat kejayaan yang tercapai dari segi keuntungan (sama ada berbentuk wang atau fizikal) yang didapati oleh:

- (a) pihak Kerajaan;
- (b) pihak syarikat swasta yang berjaya; dan
- (c) orang umum

daripada penswastaan projek-projek ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):**
Setakat ini satu projek Kerajaan dan 4 perbadanan awam telah diswastakan.

Projek dan perbadanan awam yang diswastakan adalah seperti berikut:

- (1) North Klang Straits Bypass;
- (2) Sistem Penerbangan Malaysia (MAS);
- (3) Depoh Baikpulih Kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia;
- (4) Sports Toto; dan
- (5) Terminal Kontena Pelabuhan Kelang.

North Klang Straits Bypass telah diswastakan kepada Shahpadu Holdings Sdn. Bhd.

MAS telah diswastakan dengan cara menyenarai sahamnya di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Depoh Baikpulih Kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia telah diswastakan kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Aerospace Industries Malaysia Sdn. Bhd. dan Lockheed Aircraft Service International.

Sports Toto telah diswastakan dengan penjualan saham terbesar kepada Syarikat B & B Enterprise.

Terminal Kontena Pelabuhan Kelang akan diswastakan tidak lama lagi kepada sebuah syarikat usahasama antara KONNAS TERMINAL KELANG SDN. BHD. dan Lembaga Pelabuhan Kelang.

Dari segi keuntungan, adalah seperti berikut:

1. *Penswastakan North Kelang Straits Bypass*

- (i) Kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan yang terlibat dalam pembinaan jalan raya ini dan juga dari cukai pendapatan yang diperolehi dari syarikat

Shahpadu Holdings Sdn. Bhd.

- (ii) Syarikat yang berjaya memperolehi pendapatan dari tol yang dikenakan kepada pengguna jalan raya ini.
- (iii) Kepada orang awam, mereka dapat menggunakan jalan raya yang pendek jaraknya dan tidak sesak.

2. *Penswastakan MAS*

- (i) Pihak Kerajaan memperolehi \$63 juta dari jualan 35 juta saham kepunyaan Minister of Finance Incorporated.
- (ii) Pihak swasta (MAS) memperolehi \$126 juta hasil dari jualan 70 juta saham baru (Public issue).
- (iii) Orang awam yang mempunyai saham MAS akan mendapat keuntungan melalui dividen dan faedah-faedah lain sebagai pemegang saham MAS mengikut prestasi MAS di masa hadapan.

3. *Depoh Baikpulih Kapalterbang Tentera Udara Di Raja Malaysia*

- (i) Negara memperolehi satu industri baru iaitu "Aerospace Industry" dan ini melibatkan pemindahan teknologi dan latihan kepada kakitangan. Kerajaan juga dapat menjimatkan perbelanjaan untuk Depoh baikpulih kapalterbang dan sebaliknya memperolehi pendapatan dari penyewaan depoh ini kepada Airod.
- (ii) Syarikat Airod memperolehi kakitangan yang terlatih dari Depoh Baikpulih

Kapalterbang. Syarikat Airod memperoleh pasaran yang besar dengan adanya Lockheed Aircraft Service International sebagai rakan usahasama.

4. Sports Toto

- (i) Kerajaan memperoleh \$27,996,999.00 dari jualan 70% saham dalam Sports Toto.
- (ii) Pihak swasta menguasai 70% saham dalam Sports Toto.

5. *Penswastaaan Terminal Kontena Pelabuhan Kelang*

- (i) Lembaga Pelabuhan Kelang memperoleh \$56,928,240.00 dari penjualan 51% saham syarikat Kelang Container Terminal Sdn. Bhd.
- (ii) Syarikat KONNAS TERMINAL KELANG SDN. BHD. akan memperoleh 51% saham dalam syarikat Kelang Container Terminal Sdn. Bhd.
- (iii) Orang awam akan menikmati faedah penswastaaan Terminal ini apabila saham Syarikat Kelang Container Terminal Sdn. Bhd. disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

BANK SIMPANAN NASIONAL—SIJIL

4. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah nilai Sijil Premium Bank Simpanan Nasional yang telah dibeli oleh orang ramai dan sama ada cabutan bertuah

berkala yang telah diadakan telah dapat menarik lebih ramai orang membelinya.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekim Sijil Simpanan Premium telah dilancarkan oleh Bank Simpanan Nasional mulai pada bulan Januari 1978. Sehingga akhir tahun 1985, jumlah pengumpulan simpanan dari penjualan sijil di bawah sekim ini, berjumlah sebanyak \$14.9 juta.

Sambutan orang ramai ke atas sekim ini adalah menggalakkan. Pada mulanya, sekim ini hanya menyediakan 6 cabutan setahun dalam bentuk wang tunai. Walau bagaimanapun dalam tahun 1983, jumlah cabutan di bawah sekim ini telah ditambah kepada 12 kali setahun di mana 6 cabutan adalah dalam bentuk wang tunai dan 6 cabutan lagi dalam bentuk hadiah barangan. Dengan tambahan cabutan tersebut Bank Simpanan Nasional telah dapat meningkatkan simpanan di bawah sekim ini dari \$12.07 juta dalam tahun 1978 kepada \$14.9 juta pada akhir tahun 1985.

PEMBELIAN ALAT TELEFON

5. **Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) kenapakah Telekom telah menerima satu kontrak bernilai \$61 juta daripada 2 buah syarikat bagi membekalkan Telekom dengan 1 juta buah telefon jenis tekan butang untuk tempoh 5 tahun yang akan datang apabila set-set telefon telah ditawarkan \$57.50 satu set oleh sebuah syarikat dan \$64.00 oleh yang lain, sedangkan Jabatan Telekom Singapura telah menghadaiahkan tawaran

kepada sebuah syarikat yang lain bagi 350,000 buah telefon jenis tekan butang, hanyalah bagi \$44.00 satu set;

- (b) bolehkah Kementeriannya mempertahankan kos tambahan ini dan sama ada syarikat yang berjaya di Singapura pernah dipanggil untuk memberikan satu penilaian, dan jika tidak, kenapakah Telekom tidak berunding dengan syarikat yang tersebut dalam harga yang lebih rendah yang ditawarkan kepada Telekom Singapura dan penjimatan yang boleh diuntungkan oleh negara kita; dan
- (c) kenapakah di antara kedua-dua buah syarikat yang diterima oleh Telekom terdapat satu perbezaan dalam harga sebanyak 57.50 Pound dan \$64.00 untuk satu set telefon.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, pembelian alat telefon oleh Jabatan Telekom Malaysia (JTM) telah dibuat melalui tender terbuka yang telah diiklankan pada 15-3-1985 dan ditutup pada 5-5-1985. Sebanyak 26 pender telah mengambil bahagian di dalam tender tersebut. Di dalam menilai tender berkenaan JTM telah mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di mana penilaian dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor seperti penentuan teknikal, harga dan juga keutamaan kepada pengeluar-pengeluar tempatan yang telah pun mempunyai kilang sendiri bagi mengeluarkan peralatan telefon. Sebagaimana biasa pihak Lembaga Tender JTM telah menimbang tender berkenaan dengan teliti dan seterusnya kerajaan telah membuat keputusan berdasarkan kepada syor-syor yang dibuat oleh Lembaga Tender. Dengan demikian saya

tidaklah begitu faham apa tujuan sebenarnya soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, memandangkan bahawa pembelian alat-alat telefon berkenaan telah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

PENYALAHGUNAAN ISLAM

6. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada penyalahgunaan Islam untuk kepentingan parti dan terdapat setengah-setengah daripada pemimpin sebuah parti tidak lagi menghormati Undang-undang Negara kita iaitu Parti yang mengguna kalimah Islam dalam nama Partinya, maka bilakah akan dicadang untuk mencegah dari penguasaan Kalimah Islam oleh parti tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tersebut sukalah saya menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk mencegah atau menghalang mana-mana parti politik di negara ini dari menggunakan unsur-unsur ugama untuk partinya, selagi saya tidak bercanggah dengan Akta Pertubuhan 1966.

PEMASANGAN ALAT AMARAN HAD LAJU

12. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam pelaksanaan sistem kawalan kelajuan bagi kenderaan-kenderaan berat yang dikuatkuasakan baru-baru ini, dan apakah peraturan-peraturan had muatan juga akan dikuatkuasakan; jika ya, bagaimana.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Pelaksanaan pemasangan alat amaran had laju baharu sahaja dimulakan

pada 1hb Januari 1986. Yang demikian adalah terlalu awal bagi Kementerian untuk mengetahui sejauh mana kejayaan pelaksanaan peraturan ini. Kementerian sedang mengikuti pelaksanaan peraturan ini dengan teliti dan hasilnya hanya boleh dilihat selepas tempoh 6 bulan.

Mengenai peraturan-peraturan had muatan, perundangan berkaitan dengan had muatan sudah lama wujud dan dilaksanakan. Agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis, JPJ dan LLM sentiasa mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan yang melebihi had muatan mereka.

ZAKAT FITRAH BAGI CUKAI PENDAPATAN

15. **Tuan Fung Ket Weng** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana rebat ke atas zakat fitrah seperti terdapat dalam Borang Cukai Pendapatan JA(1) Kod 049 dikira dan sama ada pemotongan seumpama itu melanggar perkara 97 (1) Perlembagaan Persekutuan. Sila juga nyatakan jumlah amaun yang diberi

Tahun Taksiran

1978	}
1979	
1980	
1981	
1982
1983
1984
1985

rebat bagi zakat fitrah setiap tahun sejak ia dikenakan sehingga 1985.

Tuan Daim Zainuddin: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, zakat yang dibayar oleh seseorang pembayar cukai pendapatan adalah merupakan suatu rebat yang dibenarkan di bawah seksyen 6A (3) Akta Cukai Pendapatan, 1967. Rebate untuk zakat/fitrah ini hanya diberi apabila resit bayaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama disertakan di dalam Borang Penyata Cukai Pendapatan. Seperti juga rebat yang lain, potongan untuk bayaran zakat ini tidaklah bercanggah dengan peruntukan Perkara 97 (1) Perlembagaan Persekutuan. Seseorang pembayar cukai perlu membayar tuntutan cukai yang telahpun mengambilkira segala jenis rebat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rebat untuk zakat/fitrah ini mulai diperkenalkan bagi tahun taksiran 1978. Berasaskan kepada anggaran, jumlah rebat yang diberi setiap tahun di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Anggaran Jumlah Rebate

Tidak dikumpulkan maklumat.

1981	\$ 780,641.16
1982	\$ 912,835.47
1983	\$1,364,207.08
1984	\$2,039,808.39
1985	Program taksiran masih dijalankan.

SURAT BERANAK/KAD PENGENALAN

16. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan beribu-beribu

rakyat di seluruh Sarawak dari semua bahagian dari semua kaum yang masih tidak mempunyai surat beranak dan kad pengenalan yang sah telah menunggu begitu lama di antara 10 tahun dan 30 tahun untuk

permohonan mereka diproseskan, bilakah Kementerian beliau bercadang menugaskan satu badan Petugas Khas bagi menyelesaikan masalah tersebut sepertimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Ahli dari Lubok Antu pada 26 Mac 1986 kerana ianya mempunyai maksud yang hampir sama.

Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa sejumlah kecil rakyat Malaysia di Sarawak masih tidak mempunyai surat beranak atau kad pengenalan mereka. Setelah mengkaji masalah ini dengan teliti, Kementerian Dalam Negeri, melalui Jabatan Pendaftaran Negara bercadang untuk mengadakan satu gerakan secara menyeluruh bagi mengatasi masalah ini. Gerakan yang akan bermula pada 17 Mac 1986 ini akan berjalan selama satu tahun dan akan dilanjutkan tempoh pelaksanaannya jika keadaan memerlukan.

KANSER DISEBABKAN MEROKOK

17. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah ramai kes mengidap penyakit kanser di negara ini akibat dari merokok dan berapa kes darinya meragut jiwa setiap tahun. Apakah tindakan Kementerian beliau untuk mencegah rakyat di negara ini supaya mengurangkan merokok.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, terhadap banyak penyakit kanser yang disebabkan oleh merokok. Kanser paru-paru adalah merupakan yang paling dikenali di antara penyakit-penyakit kanser tersebut. Di

Semenanjung Malaysia, bilangan kes dan kematian yang disebabkan oleh kanser paru-paru bagi tahun 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

	Tahun	Kes	Kematian
	1983 ..	1,305	205
	1984 ..	1,316	287

Kementerian Kesihatan memandang berat akan masalah merokok dan kesihatan dan semenjak beberapa tahun yang lalu telah menganjurkan kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti anti-merokok dengan objektif-objektif berikut:

- (i) Mencegah orang yang tidak merokok daripada merokok.
- (ii) Melindungi orang tidak merokok daripada asap rokok dan bahayanya.
- (iii) Menggalakkan perokok berhenti merokok.

Aktiviti-aktiviti utama anti-merokok yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Tindakan-tindakan yang membawa kepada pengharaman merokok di panggung-panggung wayang.
- (ii) Tindakan-tindakan yang membawa kepada menglebelkan kotak-kotak rokok dengan tanda "Amaran oleh Kerajaan: Merokok Membahayakan Kesihatan".
- (iii) Membangkitkan kesedaran tentang bahaya merokok kepada perokok dan orang yang tidak merokok, menerusi pendidikan kesihatan, penggunaan media-masa, forum, pameran dengan penyertaan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan pengguna dan pertubuhan-pertubuhan perubatan dan kesihatan.

- (iv) Dengan kerjasama Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Kesihatan sedang mengawasi kandungan nikotin dan tar dalam rokok untuk memastikan tahapnya adalah seberapa rendah yang boleh. Sebagai contohnya, adalah didapati bahawa purata kandungan nikotin dalam rokok telah berkurang dari 1.6 mg/rokok dalam tahun 1980 kepada 0.9 mg/rokok dalam tahun 1985, sementara kandungan tar telah menurun dari 23.5 mg/rokok 15.3 mg/rokok dalam jangka masa yang sama.
- (v) Tindakan-tindakan yang membawa kepada pengharaman iklan rokok di radio dan di televisyen.
- (vi) Tindakan-tindakan yang membawa kepada keluarnya arahan oleh Kerajaan tentang larangan merokok di pejabat-pejabat, tempat-tempat awam dan kenderaan-kenderaan, hospital-hospital dan lain-lain.

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

18. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Pertanian menyatakan apakah yang telah dan akan diambil bagi memberikan nafas baru kepada pertubuhan peladang kawasan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) supaya mencapai matlamat, dan adakah beliau menyedari percanggahan pendapat bagi pelaksanaan sesuatu projek/kerja di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian.

Dr Goh Cheng Teik: Dalam usaha memberi nafas baru kepada pertubuhan peladang kawasan, peranan yang akan dimainkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

ialah untuk mengembeling, mengatur dan menggerak tenaga peladang-peladang menerusi pertubuhan-pertubuhan peladang.

Peranan ini akan dimainkan oleh LPP melalui program memperkukuh pertubuhan-pertubuhan peladang iaitu:

- (i) Mengkaji semula asas operasi LPP/Pertubuhan Peladang supaya dengan Dasar Pertanian Negara dan berasaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.
- (ii) Menyusun semula jentera perancangan dan pelaksanaan program dan projek LPP dan Pertubuhan Peladang di mana struktur organisasi, pengaturan dan pembahagian kerja mencerminkan peranan LPP untuk mengembeling, mengatur dan menggerak tenaga peladang.
- (iii) Meningkatkan imej korporat LPP/Pertubuhan Peladang melalui perlantikan jurucakap pertubuhan peladang di setiap Pertubuhan Peladang Negeri dan NAFAS untuk menyuarakan rintihan dan reaksi para peladang mengenai nasib hidup dan masa depan mereka.
- (iv) Mengubah sikap, azam dan tekad kakitangan pertubuhan peladang dan ahli-ahli peladang melalui kursus pendidikan "bina insan" dan "bina semangat" di samping kursus-kursus latihan biasa.
- (v) Menambah dan menguatkan modal operasi pertubuhan peladang melalui usaha meninggikan saham modal ahli dengan mengadakan kempen tambah saham di

kalangan ahli dan kempen keahlian baru PPK, dan mencagarkan harta keupayaan LPP di peringkat pertubuhan peladang kepada bank-bank Kerajaan dan setiap PPK akan diagihkan jumlah pinjaman darinya secara sama rata bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka.

- (vi) Memperkemarkan Penggunaan Tenaga Kerja Pertubuhan Peladang di mana pertubuhan peladang yang lemah akan ditempatkan kakitangan yang kanan dan berpengalaman untuk meningkatkan keupayaannya secepat mungkin dan pertubuhan peladang yang maju dan mempunyai banyak aktiviti akan diarahkan menggajikan kakitangannya sendiri.

Bagi memastikan kejayaan program ini, LPP akan menyediakan Manual Operasi LPP/Pertubuhan-pertubuhan Peladang untuk menjadi panduan semua kakitangan LPP dan Pertubuhan Peladang.

Percanggahan pendapat bagi pelaksanaan sesuatu projek/kerja di antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian dapat diatasi melalui penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Antara Agensi Peringkat Negeri/Daerah (JPPAAN dan JPPAAD) di mana keahliannya terdiri daripada semua jabatan/agensy di bawah Kementerian Pertanian dan berperanan menyelaraskan pelaksanaan projek/kerja di peringkat negeri/daerah. Di samping itu diwujudkan juga Jawatankuasa Kerjasama Antara Agensi seperti kerjasama antara LPP dengan Jabatan Pertanian, LPP dengan MARDI dan LPP dengan FAMA dan seumpamanya.

PERSIDANGAN DAVOS DI SWITZERLAND

19. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan apakah hasil rundingan Timbalan Perdana Menteri dalam persidangan tahunan Forum Pengurusan Eropah, di Davos, Switzerland baru-baru ini. Dan apakah perkara-perkara penting mengenai kepentingan negara dan rakyat seluruhnya yang dibangkitkan oleh Y.A.B. di dalam forum tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Inginlah saya jelaskan bahawa Persidangan Davos di Switzerland itu bukanlah merupakan satu perundingan tetapi merupakan satu "perjumpaan" tahunan Ketua-ketua Eksekutif syarikat-syarikat ternama di dunia. Ianya dianjurkan oleh sebuah pertubuhan yang terkenal di dunia iaitu European Management Forum Foundation. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dijemput oleh pihak pengajur ke persidangan tersebut untuk menjadi salah seorang ahli panel bagi membincangkan tajuk "Deflation Tendencies in Commodity Prices: Do they Destabilise The World Economy?", tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengambil kesempatan ini untuk menghebahkan juga peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga menerangkan kepada peserta tersebut mengenai hal-hal yang berkaitan dengan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia, Pelan Induk Perindustrian, garis panduan yang baru mengenai ekuiti pelabur asing dan rancangan perswastaaan.

Hasil daripada penyertaan itu pula, tidaklah boleh ditentukan dengan serta-merta kerana sebarang keputusan pelaburan akan mengambil masa. Walau bagaimanapun semasa

beliau berada di sana beberapa orang bakal pelabur-pelabur asing yang menghadiri persidangan tersebut telah menunjukkan minat untuk melabur di negara kita. Seperti biasa Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia akan membuat kerja-kerja susulan yang sewajarnya bagi membantu bakal-bakal pelabur tersebut membuat keputusan untuk mendirikan projek mereka di Malaysia dengan secepat mungkin.

PERISTIWA LUBUK MERBAU— PENYIASATAN

20. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan faktor-faktor sebenar yang menghalang kerja penyiasatan dan kehakiman mengenai kes Lubuk Merbau, Padang Terap, Kedah dalam tahun 1985 yang lalu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Sebenarnya tidak ada faktor-faktor yang menghalang dalam kerja-kerja penyiasatan berhubung dengan peristiwa Lubuk Merbau yang berlaku pada 18-1-1985 yang lalu. Penyiasatan terus dijalankan dan pembicaraan "inquest" terhadap kes ini telah ditetapkan pada 30-3-1986.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

21. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Dalam Negeri menerangkan bidangkuasa-bidangkuasa baru bagi Pasukan Petugas VII untuk mencegah kemasukan pendatang haram Indonesia ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Adakah Pasukan Petugas ini telah diperbesarkan dari segi tenaga manusia dan peruntukan-peruntukan lain. Apakah strategi baru pasukan petugas untuk memberhentikan dengan berkesannya pendatang-pendatang haram Indonesia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan ini telah dijawab pada 12 Mac 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PENDATANG HARAM INDONESIA—KEMASUKAN

22. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah formula Pasukan Petugas VII mempunyai untuk mencegah kebanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian-pelarian Filipina ke negara ini; apakah tindakan Pasukan Petugas tersebut akan ambil untuk mengusir balik pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian-pelarian Filipina yang sedia ada di negara ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan ini telah dijawab pada 12 Mac 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KEMATIAN IBRAHIM LIBYA— KEPUTUSAN MAJLIS AGAMA ISLAM KEDAH

23. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Daam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan dari segi undang-undang yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap segolongan umat dan Partai Politik di negara ini yang terang-terang menentang keputusan Majlis Ulama di Negeri Kedah yang telah memutuskan "bahawa kematian Ibrahim Libya serta 13 orang pengikutnya di dalam Peristiwa Memali pada 19-11-85 yang lalu itu "Bukan Mati Syahid";
- (b) mengapakah pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan undang-undang kepada pihak tertentu/pelampau-pelampau agama yang terus menerus

melanggar undang-undang negara seperti mengadakan ceramah-ceramah dalam bentuk Rapat Umum, dan perbuatan menghasut rakyat dengan tomah-tomah jahat supaya rakyat membenci kerajaan. Tidakkah perbuatan tersebut akan membangkitkan huru-hara serta mengancam keamanan negara.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri telah memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa Agama Islam negeri-negeri untuk mengambil tindakan terhadap siapa yang melanggar undang-undang tersebut.
- (b) Kerajaan memang sedar ada pihak-pihak tertentu yang mengadakan ceramah-ceramah yang bercorak politik keagamaan di tempat persendirian yang menyerupai rapat umum dengan tujuan menghasut rakyat supaya menimbulkan keadaan huru-hara serta mengancam keselamatan negara. Buat masa ini kegiatan tersebut masih terkawal. Bagaimanapun kerajaan akan terus menyiasat dan meneliti tindak-tanduk kumpulan ini dan sekiranya terbukti kesalahannya, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka.

**PENDATANG HARAM—
MENCEGAH**

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri, melaporkan tentang kemajuan, jika ada, yang dicapai oleh Pasukan Petugas Khas mencegah pendatang-pendatang haram daripada memasuki negara ini khususnya di sepanjang pantai Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor dan

sama ada terdapat kapal-kapal laut yang cukup untuk meronda Selat Melaka yang telah menjadi lebuh raya utama pada waktu malam bagi bot-bot yang mengangkut pendatang-pendatang haram.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan ini telah dijawab pada 12 Mac 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KEMPEN ANTI DADAH

25. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah di antaranya rancangan-rancangan yang akan diadakan pada tahun ini untuk kempen anti dadah. Bagaimanakah jumlah wang yang diberi oleh Bangsa-bangsa Bersatu akan diagihkan bagi membiayai rancangan-rancangan tersebut. Bagaimana pula dengan peruntukan yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk kempen anti dadah akan diagihkan.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program kempen Anti Dadah yang dijalankan pada tahun 1986 adalah terjatuh di bawah semua bidang tindakan anti dadah yang antara lain termasuklah pendidikan pencegahan dan penerangan, rawatan dan pemulihan perundangan dan penguatkuasaan, kerjasama antarabangsa, dan pembangunan tenaga manusia dan penilaian. Program-program ini adalah dirancang mengikut Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negara 1985-1989, untuk dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang berkaitan berasaskan kemampuan kewangan Kerajaan.

Program-program tahun 1986 mencerminkan peningkatan usaha-usaha anti dadah dalam semua bidang dengan penekanan yang lebih ditumpukan kepada bidang

pendidikan pencegahan dan penerangan. Dalam bidang ini program pendidikan pencegahan dadah di sekolah-sekolah dan penglibatan ibubapa dalam pencegahan dadah akan dipergiatkan. Dalam bidang rawatan dan pemulihan, kemudahan-kemudahan pemulihan akan diperbanyakkan lagi dan program jagaan lanjutan ke atas bekas penagih-penagih dadah akan diperluaskan. Dalam bidang perundangan dan penguatkuasaan, peruntukan-peruntukan undang-undang akan diperkemas lagi, manakala tindakan-tindakan penguatkuasaan pula akan diperhebatkan di kawasan-kawasan sempadan bagi mencegah kemasukan dadah ke dalam negara.

Malaysia akan terus meningkatkan usaha-usaha di peringkat antarabangsa untuk mendapat keazaman dan sesungguhnya semua negara dalam memerangi dadah. Malaysia akan memainkan peranan yang cergas di Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah Peringkat Menteri pada tahun 1987. Dalam hubungan ini usaha-usaha persediaan akan dipergiatkan pada tahun ini.

Usaha-usaha mengujudkan lebih banyak tenaga terlatih dalam semua bidang akan juga dijalankan pada tahun ini terutamanya dalam mengujudkan tenaga-tenaga sukarela yang terlatih.

Berhubung dengan bantuan yang diterima dari Bangsa-bangsa Bersatu pengagihannya adalah dibuat mengikut tujuan-tujuan latihan, perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, dan pendidikan pencegahan dan penerangan. Manakala peruntukan Kerajaan pula akan diagihkan mengikut jumlah amaunnya untuk tujuan rawatan dan pemulihan perundangan dan penguatkuasaan, pendidikan pencegahan dan

peperangan dan pembangunan tenaga manusia dan penilaian. Untuk menambah lagi sumber-sumber kewangan bagi membiayai kempen anti dadah usaha-usaha juga akan diteruskan pada tahun 1986 untuk mendapatkan syarikat-syarikat swasta bagi menaja projek-projek terutamanya dalam bidang pendidikan pencegahan dan penerangan.

NG SIN MAN MEMELUK AGAMA ISLAM

26. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa pihak polis telah menghalang Encik Ng Sin Man dari membawa anak perempuannya Ng Yee Kuan pulang dari 17-11-1985 dari rumah Cik Azizah bte Haji Abdullah di Lot 2030, Wakaf Stan, Kubang Kerian, Kota Bharu, selepas beliau mendapati bahawa anak perempuannya yang berusia 16 tahun telah menganut agama Islam tanpa pengetahuan dan kebenarannya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar pihak polis telah menghalang Encik Ng Sin Man untuk membawa anaknya pulang ke pangkuan beliau dan keluarganya. Kehadiran Penolong Pegawai Penyiasat di situ hanyalah sebagai penasihat bagi mengelakkan berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini. Saya juga difahamkan bahawa Encik Ng Sin Man sendiri telah meminta bantuan pihak polis untuk menemui anaknya dialamat tersebut.

(Soalan No. 27. Sila lihat Jawapan No. 2 pada 11-3-86).

KURSUS DAKWAH ISLAMIAH BAGI GURU PELATIH

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada

beliau sedar hak-hak perlembagaan guru-guru pelatih bukan Islam di Maktab Perguruan Kuala Terengganu, di Batu Rakit mengenai kebebasan beragama telah dicabuli apabila mereka dipaksa menghadiri kursus Dakwah Islamiah atas ugutan bahawa elaun mereka akan dipotong sekiranya mereka enggan hadir, dan sama ada beliau akan mendisiplinkan Pengetua Maktab tersebut kerana tindakannya yang tidak berperlembagaan itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Guru-guru pelatih bukan Islam di Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Batu Rakit, tidak dipaksa menghadiri kursus Dakwah Islamiah di maktab tersebut. Kursus ini diadakan selama 3 hari sahaja dan diwajibkan kepada semua guru pelatih yang beragama Islam dalam pengajian Tahun Dua. Guru-guru pelatih yang tidak dapat diberi peluang mengikutinya pada tahun yang berikutnya.

Oleh hal yang demikian soal mencabuli hak-hak perlembagaan guru-guru pelatih bukan Islam tidak timbul.

BAHASA IBAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

29. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada bahasa Iban diajar dalam sekolah-sekolah menengah dan rendah di Sarawak di bawah sekim POL. Jika ya, sila beri bilangan pelajar-pelajar dan bilangan kelas-kelas di mana bahasa Iban diajar sebagai mata pelajaran;
- (b) nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan

penggunaan, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban supaya dapat memelihara bahasa tersebut sebagai warisan Kebangsaan Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Bahasa Iban memang ada diajar di sekolah Menengah dan Rendah di Sarawak. Bilangan pelajar yang mengikuti bahasa ini seramai 24,259 orang dan bilangan kelas sebanyak 897.
- (b) Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:
 - (i) Penubuhan satu jawatankuasa khas untuk bahasa Iban oleh Jabatan Pelajaran Sarawak bagi meninjau dan meneliti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban semoga satu sukatan pelajaran yang sesuai akan dapat dibentuk.
 - (ii) Melatih guru-guru yang berkebolehan untuk mengajar bahasa tersebut.

SEKIM PERUMAHAN KOS RENDAH—KOS PEMBANGUNAN

30. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat menyelaraskan keperluan-keperluan untuk memegang teguh kepada kos pembangunan bagi infrastruktur bagi sekim perumahan kos rendah dengan pengambilan undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 oleh Kerajaan Tempatan yang menentukan piawai infrastruktur yang tinggi, yang berjumlah sebanyak \$10,000.00 untuk sebuah lot perumahan dalam

kawasan-kawasan Majlis Perbandaran dan sama ada beliau akan merekomenkan penerimaan piawaian infrastruktur yang lebih rendah bagi sekim perumahan kos rendah dalam kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Akta tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 tidak mempunyai peruntukan mengenai piawaian infrastruktur. Sebahagian dari piawaian-piawaian infrastruktur adalah terkandung dalam undang-undang kecil mengenai jalan, parit dan pembentungan yang dibuat di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (akta 133) atau undang-undang lain yang berkaitan dengan perkara-perkara tersebut. Piawaian-piawaian mengenai sistem bekalan air pula ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Bekalan Air (Water Supply Rules). Di samping undang-undang kecil dan kaedah-kaedah, piawaian-piawaian infrastruktur juga tertakluk kepada garis panduan-garis panduan pentadbiran yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa-pihak berkuasa tertentu. Kesemua piawaian-piawaian ini bertujuan untuk mengujudkan kawasan perumahan yang sempurna dan selesa.

Bagi mengurangkan kos pembangunan infrastruktur di kawasan perumahan kos rendah, Kementerian saya bersama-sama dengan Jabatan-jabatan/Agensi-agensi yang berkenaan telah menyediakan garis panduan-garis panduan yang sesuai bagi jalan, air, elektrik dan kemudahan lain. Garis panduan-garis panduan ini diharap akan digunakan oleh pihak berkuasa-pihak berkuasa seperti pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa air, Lembaga Letrik Negara dan lain-lain.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam.” (13hb Mac, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Petaling menyambung ucapannya.

4.07 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Terima kasih, saya mula sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi mencemar duli memberi Titah Ucapan Baginda.

Baginda telah dengan tepatnya memberi gambaran mengecewakan mengenai masalah sosial, ekonomi, politik dan lain-lain lagi. Saya bersetuju sepenuhnya dengan kepercayaan Baginda bahawa rakyat Malaysia akan dapat mengatasi masalah-masalah ini dengan penuh kesabaran. Rakyat akan menempuh masalah yang sedang kita hadapi dengan penuh kebijaksanaan dan keberanian.

Kami menyokong seruan Baginda supaya kita mesti berjimat cermat pada masa ekonomi negara meleset. Kita akan dapat mengatasi masalah ini sekiranya kita sanggup bekerja kuat, sanggup berkorban, sanggup bekerjasama, sanggup bersepakat, sanggup berjimat dan sanggup sedar yang kita ini sedang dilanda ombak tragedi ekonomi yang dibawa oleh arus pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia mahukan negara yang maju, yang aman dan yang bermaruah. Ini telah kita buktikan kepada dunia dengan keupayaan kita hidup bersama dengan jaya selama 28 tahun selepas merdeka, walaupun kita sering didedahkan kepada beberapa masalah yang selalu wujud sebab keadaan kita yang agak unik ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya memberi ucapan dengan hati yang sedih rakyat di mana ceruk tidak begitu senang apabila sedar dengan keadaan sebenarnya yang negara kita hadapi.

Saya percaya ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat menaruh perasaan yang sama kerana semua sedar akan keadaan di negara kita sekarang. Mungkin ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sanggup menunjukkan perkara-perkara yang kurang baik mengenai

keadaan negara kerana keadaan ini wujud di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi saya yakin kesedaran itu ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak mengapalah, kadang-kadang oleh sebab-sebab yang tertentu kita terpaksa berdiam diri sahaja tetapi bagi saya, saya rasa sebagai seorang Wakil yang dipilih oleh rakyat, saya mesti beri gambaran yang sebenarnya supaya wujud kesedaran.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat tidak puas hati dan ada juga yang berasa marah kerana keadaan negara sungguh merunsingkan, keadaan ekonomi negara sungguh menyedihkan dan yang paling mengecewakan adalah rasuah semakin menjadi-jadi walaupun pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengutarakan "Bersih, Cekap dan Amanah". "Bersih"—Ya, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur pada pendapat saya lebih bersih. "Cekap"—Ya, lebih ramai rakyat yang terlatih; tetapi "Amanah" saya tidak bersetuju yang kita ini lebih amanah.

Dengan keadaan ekonomi sekarang ini apakah peluang kita? Kita seandai satu negara yang sakit tetapi tidak ada doktor yang dapat mengubatnya. Kita ada beberapa doktor di dalam Dewan yang mulia ini tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, semuanya tidak ada penawar yang dapat mengubati penyakit kita ini. Bagi tiap-tiap satu penyakit mesti ada sebab atau puncanya. Sekiranya si pesakit, sudah hilang keyakinan terhadap doktornya kerana beliau tidak sembuh, si pesakit sudah tentu akan pergi ke doktor lain. Mungkin ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu menukar doktor tetapi takut hendak menyuarakan.

Tuan Yang di-Pertua, doktor yang saya sebutkan boleh disamakan dengan seorang pemimpin dan si

pesakit boleh disamakan dengan satu Kerajaan yang sedang dilanda beberapa masalah sama seperti di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, pimpinan sesuatu Kerajaan bukan diberi kepada satu individu sahaja ataupun satu kumpulan "Yes Men" di sekelilingnya. Seorang pemimpin memerlukan kerjasama dan kepercayaan semua. Seorang pemimpin dipilih untuk memimpin kerana rakyat menaruh kepercayaan bahawa beliau dapat membawa negara ke tahap yang lebih baik lagi. Tetapi kita semua tahu bahawa perkara sebaliknya yang berlaku. Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, janji-janji yang dengan senang dilafazkan dahulu semuanya kosong belaka. Kata mesti dikota tetapi yang kita dapat dari pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah kotak kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah di negara kita ini makin menjadi-jadi. Di mana sahaja kita pergi sering terdengar rakyat menyuarakan masalah bersabit dengan rasuah. Rasuah adalah satu penyakit negara yang perlu kita atasi dengan tegas dan tindakan yang diambil perlu berterusan, bukan dengan cara hangat-hangat tahi ayam sahaja. Ini perlu kerana kejadian rasuah ini melibatkan semua peringkat, dari bawah ke peringkat atasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat kepada kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana beliau selalu berjanji yang beliau akan bertindak tegas terhadap semua yang rasuah—"I will put the fear of God in the corrupt", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh apa yang sedang berlaku di negara kita ini, saya selalu bertanya dan juga selalu ditanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang telah diambil. Sekiranya tindakan yang diambil tegas, mengapa pula rasuah semakin menjadi-jadi.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan BMF diterima pada hari Sabtu lepas. Dari apa yang dapat saya baca, saya di sini ingin memberi penghormatan kepada Jawatankuasa yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin kerana telah melaksanakan tugas dengan cemerlang. Mereka telah menjalankan tugas dengan begitu teliti dan mereka juga berani menghadapi apa sahaja tindakan yang mungkin diambil oleh pihak-pihak yang terlibat. Semasa ditugaskan untuk mendedahkan satu kejadian yang sungguh keji ini, Tan Sri Ahmad Noordin menjalankan tugas mereka dengan penuh kewibawaan dan berani. Mereka berpegang teguh kepada prinsip masing-masing dan tidak ada mana pihak yang dapat menggoncang prinsip mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat semua sungguh terhutang kepada Ahli Jawatankuasa BMF ini dan kita seharusnya memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada usaha mereka. Hasil daripada usaha mereka ini adalah Laporan BMF dan di sini saya seru kepada Kerajaan supaya menentukan salinan Laporan ini dihantar ke semua khutub-khanah di negara kita ini supaya perkara yang keji ini tidak berulang dan pencapaian Tan Sri Ahmad Noordin dan Ahli-ahli Jawatankuasanya akan menjadi teladan kepada kita semua dan kepada rakyat di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk membentangkan Kertas Putih BMF pada hari ini dialukan tetapi di sini saya ingin membantah tindakan Kerajaan kerana enggan membentangkan Laporan Akhir Ahli Jawatankuasa BMF di Dewan yang mulia ini sebagai satu Kertas Perintah. Alasan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tindakan ini diambil kerana Kerajaan tidak mahu mendapatkan perlindungan istimewa Parlimen. Alasan ini bercanggah dengan matlamat asal Jawatankuasa

BMF. Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Bank Bumiputra setelah diarah oleh Kerajaan seperti terkandung di dalam surat yang bertarikh 4hb Januari, 1984 yang dihantar oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia. Anggota Ahli-ahli Jawatankuasa ini dinamakan oleh Kerajaan dan bidang tugas Jawatankuasa ini ditetapkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan dan penubuhan Jawatankuasa BMF diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 11hb Januari, 1984 tetapi dibberapa ketika tempoh hari, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seakan hendak menolak tanggungjawab kerana mahu menganggap Laporan Akhir dan Laporan Ringkas Khas sebagai hakmilik rasmi Kerajaan dan enggan mengumumkan kandungan laporan-laporan yang bersabit. Ini adalah satu helah Kerajaan. BMF adalah anak syarikat Bank Bumiputra dan Kerajaan Malaysia mempunyai ekuiti yang paling banyak di dalam Bank Bumiputra. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, wang rakyat terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa mengumumkan penubuhan Jawatankuasa BMF sedar betapa pentingnya tugas yang perlu dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini tetapi mengapakah pula setelah Jawatankuasa yang sama menyediakan laporan yang sebegini lengkap, teliti dan menyeluruh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pilihan supaya pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap kandungan laporan yang dimaksudkan. Alasan yang diberi pula susah hendak diterima. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab jika orang perseorangan yang taat dan turut

terbabit dengan skandal BMF ini bertindak untuk mendakwa di mahkamah kerana laporan akhir tidak dilindung oleh keistimewaan Parlimen. Saya ingin bertanya.....

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Prtua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
Minta jalan.

Tuan Yeoh Poh San: Saya tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hanya ada enam hari untuk debat isu-isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak beri jalan.

Tuan Yeoh Poh San: Saya tidak benarkan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak benarkan kecuali dengan Tertib Mesyuarat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya adakah ini munasabah dan adakah ini dikatakan Kepimpinan Melalui Teladan?

Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri betul-betul sangsi dan takut Kerajaan dibawa ke mahkamah, beliau sepatutnya tubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja dan bukan satu Jawatankuasa Penyiasat.

Perkara ini juga didesak oleh beberapa golongan rakyat dan organisasi tetapi beliau tidak mahu berbuat demikian. Oleh itu satu Jawatankuasa Penyiasat ditubuhkan dan Jawatankuasa ini mempunyai kuasa yang terhad. Jika Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan, tidak ada sesiapa pun yang boleh membawa Kerajaan ke mahkamah dan sebaliknya boleh berlaku, dengan itu Kerajaan tidak perlulah takut.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkembangan yang mengelirukan rakyat, yang anih sekali adalah usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutarakan keadaan sekarang ini dengan memberi alasan bahawa Kerajaan memberi peluang kepada setiap individu yang dinamakan untuk ambil tindakan mendakwa sesiapa sahaja yang bertanggungjawab menyediakan laporan yang bersabit.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa BMF ini ditubuhkan dan menjalankan tugas dibiayai oleh wang rakyat. Oleh itu Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat BMF sepatutnya hendaklah dibentangkan sebagai suatu Kertas Perintah demi kepentingan rakyat semua.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta jalan.

Tuan Yeoh Poh San: Jalan saya tidak benarkan Kalau on a point of Order boleh, tetapi point of order pun saya berharap hendaklah ikut undang-undang.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Yeoh Poh San: Tidak benar. Ada orang yang berharap hendak menjadi Menteri oleh kerana ada kekosongan. Tuan Yang di-Pertua, saya berada di Dewan ini untuk memberikan pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jadi Timbalan Menteri dahulu, ya? Yang Berhormat duduk di sana ya? Timbalan Menteri ya?

Tuan Yeoh Poh San: Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! barukah, terimah kasih.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, saya berada di Dewan ini untuk memberi pandangan saya dan juga pandangan rakyat terhadap isu yang mustahak yang melibatkan negara. Hanya ada enam hari untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, termasuklah tragedi Memali dan juga skandal BMF. Jadi, saya tidak akan menjadi parti "party to time wasting" sehingga Wakil Rakyat lain tidak dapat peluang untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu perkembangan yang mengelirukan rakyat, yang anih sekali adalah usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutar keadaan sekarang dengan memberi alasan bahawa Kerajaan mahu memberi peluang kepada setiap individu yang dinamakan untuk mengambil tindakan, mendakwa sesiapa sahaja yang bertanggungjawab menyediakan laporan yang bersabit.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa BMF ini ditubuh dan menjalankan tugas dibiayai oleh wang rakyat. Oleh itu laporan akhir Jawatankuasa Penyiasatan BMF sepatutnya hendaklah dibentangkan sebagai satu Kertas Perintah demi kepentingan rakyat semua. Laporan ini juga hendaklah diumumkan kepada orang ramai dan Dewan yang mulia ini sepatutnya ada satu debat khas supaya mencerminkan betapa seriusnya Kerajaan memandangkan kejadian keji ini yang memalukan negara dan Kerajaan. Tanpa debat yang serius dan mendalam banyak persoalan akan tidak berjawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga berasa tertipu kerana tidak dapat meneliti dan mencari penjelasan di bawah perlindungan Kerajaan

bersabit dengan skandal BMF ini. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pilihan tindakan yang tidak sejajar dengan prinsip yang bertanggungjawab kepada rakyat, public accountability, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa banyak rakyat sungguh keliru dengan tindakan ini. Mengapakah Kerajaan tidak mahu Wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat diberi masa untuk debat laporan ini, banyak wang rakyat yang terbabit? Apakah sebabnya, ada kemungkinan Kerajaan mahu melindungi sesuatu atau seseorang yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, nama negara akan lebih tercemar dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan sudah tentu akan tidak ada lagi sekiranya kita di Dewan yang mulia ini tidak dibenarkan debat isu-isu yang bersabit dengan perkara yang sungguh dikeji ini dengan lebih mendalam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah adalah unik kerana tidak seorang Menteri pun berani menandatangani di muka satu. Pada pengetahuan saya, ini kali pertama perkara sebegini berlaku. Kertas Putih yang satu lagi yang bersabit dengan tragedi Memali sudahpun diperkenalkan dan ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Sepatutnya Kertas Putih mengenai Laporan BMF diperkenalkan oleh salah seorang daripada Menteri Kabinet ataupun yang lebih baik lagi sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menurunkan tandatangan beliau—mungkin ada yang takut kepada bayangnya sendiri.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yeoh Poh San: Minta jalan atau Tertib Mesyuarat?

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan Yang Berhormat. Minta duduk sebentar.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 36 (6), seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Ahli Dewan Rakyat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya memutuskan. Walaupun saya sedar selama ini sebahagian besar daripada ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Petaling adalah disasarkan khusus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, namun setakat ini isi ucapan beliau adalah menyentuh dan menghuraikan dari sudut politik dan belum lagi menimbulkan apa-apa sangkaan jahat—belum lagi—semata-mata hujah-hujah Ahli di Dewan ini biasa sebagai Ahli politik daripada satu Ahli parti. Yang Berhormat Ahli dari parti yang baru bukan?

Tuan Yeoh Poh San: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Daripada satu Ahli parti. Terima kasih.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak biasa dengar undang-undang, saya adalah seorang peguam kecil. Apa yang saya sentuh tadi kepala sehingga sekarang berkait dengan prinsip "captain going down with the ship", dengan izin, dengan prinsip "vicarious liability", dengan izin, dengan prinsip "public accountability", dengan izin, dan dengan prinsip "basic principle of democracy", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana ketua mesti

bertanggungjawab bagi yang bawah membuat. Terima kasih.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Minta penjelasan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Yeoh Poh San: Tidak beri jalan. Kalau tidak boleh belajar lagi, tidak payah saya beri jalan. Kalau hendak belajar undang-undang nanti, lepas ini boleh. Jangan ganggulah, kita semua Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab. Masa sudah tidak cukup. Banyak lagi Ahli Yang Berhormat hendak cakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa banyak rakyat sungguh..... saya pun kelam-kabut, Tuan Yang di-Pertua, tengok (*Ketawa*). Hilang train of thought. Saya mengaku ini adalah satu strategi. Saya ulang semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa banyak rakyat sungguh keliru dengan tindakan ini. Mengapakah Kerajaan tidak mahu wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat diberi masa untuk debat laporan ini. Banyak wang rakyat yang terbabit. Apakah sebabnya? Ada kemungkinan Kerajaan mahu melindungi sesuatu atau seseorang yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, nama negara akan lebih tercemar dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan sudah tentu akan tidak ada lagi sekiranya kita di Dewan yang mulia ini tidak dibenarkan debat isu-isu yang bersabit dengan perkara yang sungguh keji ini dengan lebih mendalam lagi. Kertas Putih yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah adalah unik kerana tidak seorang Menteri pun berani menandatangani di muka satu. Tadi saya sudah sentuh yang lebih elok sekali ada satu Menteri Kabinet turun

tandatanganinya ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menurunkan tandatangan beliau. Mungkin ada yang takut kepada bayangnya sendiri. Tanpa tandatangan Menteri yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita hendak menentukan kepercayaan rakyat. Ini tidak selari dengan kandungan Kertas Putih, Bab V, muka surat 14 yang mengatakan:

“Tindakan Kerajaan bertujuan menentukan kepercayaan orang ramai di dalam dan di luar negeri ke atas sistem bank dan perusahaan kewangan di negara ini terus berkekalan.”

Tuan Yang di-Pertua, ringkasan Laporan Akhir dan juga Laporan Ringkas yang telah disediakan oleh Kerajaan dan dibentangkan sebagai satu Kertas Perintah mungkin mencatat satu rekod Buku Guinness, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “Guinness Book of Records”, dari lebih kurang 6,000 muka asal Kertas Putih hanya mengandungi 80 muka surat. Ini menjadi satu rekod sebagai laporan asal penuh dengan data-data bukti dan lain perkara yang susah hendak diringkaskan. Laporan Akhir mengandungi 942 muka tetapi ia telah dipendekkan kepada 21 muka sahaja. Oleh itu Kertas Putih yang disediakan tidak dapat beri gambaran yang sebenarnya kerana banyak yang telah tercicir.

Tuan Yang di-Pertua, laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat telah memberi gambaran skandal ini sungguh kompleks, sungguh sedih kerana skandal ini menyebabkan kematian seorang pegawai bank yang jujur dan serius iaitu Allahyarham Jalil Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF ini melibatkan setengah pegawai-pegawai tertinggi BMF, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Menteri

Kabinet pun juga dibabitkan. Laporan yang disediakan mengesahkan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" tidak menandatangani apa-apa erti kepada rakyat, kerana kepercayaan terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan penyokong beliau kini merosot. Perkara-perkara yang berlaku seperti rasuah dan lain perkara yang keji telah menjadi perkara biasa, jika Laporan BMF dibaca dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala perkara yang berlaku boleh dianggap sebagai rompakan di siang hari, "day light robbery", dengan izin. Pihak yang bersabit tidak cuba sama sekali hendak menyorok perbuatan mereka yang keji ini. Nama syarikat-syarikat yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua seperti, Beat the Bush, Maximum Entry (Masuk Dalam Sekali), Hi-Heated (Panas), Extra Money (Lebih Wang), Extra Gold (Lebih Emas), Extra Dollar, Born Rich, Knife and Dagger, Quick Way, Multi-Profit, Diamonds Forever, Outwit dan juga Perfect Combination, memberi gambaran aktiviti yang mungkin ditakuti oleh peminjam wang haram, tambah lagi syarikat kewangan yang ternama. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dengan nama begitu luar biasa, even a loan shark would think twice before considering lending their money. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam skandal BMF, syarikat-syarikat yang tersebut di atas semuanya terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa memeriksa latarbelakang skandal BMF ini, kita berpendapat bahawa pemimpin Kerajaan tidak berani membuat keputusan tidak efficient dan tidak boleh dipercayai. Penulis "The Carrian File" di muka 116 mengatakan bahawa walaupun keadaan sebenarnya telah mula wujud bersabit dengan skandal ini tetapi reaksi di Kuala Lumpur jauh sekali dari keadaan yang muncul di Hong

Kong. Kuala Lumpur enggan mengatakan bahawa keadaan sebenarnya begitu serius dan rujukan kepada skandal ini pada masa itu sering diperkecilkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada Disember tahun 1982 telah membuat pengumuman bahawa Kerajaan Malaysia megah dengan operasi BMF di Hong Kong. Beliau rasa BMF di Hong Kong tidak mendedahkannya ke keadaan yang bahaya—did not over-expose itself, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun pernah berkata pada April, 1983 bahawa beliau tidak perlu campur tangan kerana skandal ini sedang dikendalikan dengan baik oleh pegawai-pegawai Bank Bumiputra. Ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenar kerana Gabenor Bank Negara telah pun memberi dua taklimat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada 16hb November, 1982 dan 5hb Januari, 1983 muka surat 526-529 Laporan Akhir BMF.

Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sedar akan kedudukan yang sebenarnya. Surat Gabenor Bank Negara yang bertarikh 2hb April, 1983 ada menyatakan bahawa BMFL akan mengalami kerugian bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Disember, 1983 kerana pendapatan dari faedah (interest income) berjumlah HK\$600 juta. Ini akan menjejaskan keadaan kewangan BMFL dan pemegang-pemegang saham BMFL akan mengalami kerugian yang teruk dan kedudukan kewangan Bank Bumiputera akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini berlaku beberapa bulan selepas Syarikat Carrian Investments Ltd. mengumumkan yang mereka sedang mengalami masalah kewangan. Pengumuman ini dibuat pada 26hb

Oktober, 1983, saya rujuk kepada mukasurat 531 Laporan Akhir BMF. Semua individu yang terlibat dengan pasaran saham tahu akan keadaan ini kerana Index Han Seng di Hong Kong turun lebih kurang 10%.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang utama di sini ialah apakah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah beliau diberi tahu mengenai keadaan yang sebenarnya? Beliau hanya mengumumkan yang beliau puas hati dengan tindakan yang diambil oleh Bank Bumiputra untuk mendapat balik duit yang boleh dianggapkan sudah hilang.

Seterusnya seperti terkandung di dalam surat beliau bertarikh 25hb Februari, 1983, Lampiran 6 Kertas Putih, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh Bank Bumiputra dan juga mengatakan: "Saya tidak diberitahu mengenai butir-butir dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun dalam pelaksanaan tindakan itu."

Tuan Yang di-Pertua, tindakan beliau itu pelik kerana beliau sebagai seorang Perdana Menteri Kerajaan yang mempunyai paling banyak saham di dalam Bank Bumiputra sepatutnya mengambil tahu tentang

Timbalan Yang di-Pertua: Ayat itu, Yang Berhormat, boleh menimbulkan kekeliruan, ulang sekali lagi.

Tuan Yeoh Poh Sun: Yang mana itu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Kekeliruan yang boleh menimbulkan sangkaan jahat.

Tuan Yeoh Poh Sun: Yang mana itu, saya quote

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas "Perdana Menteri Kerajaan yang

mempunyai paling banyak saham", dia ada sedikit kekaburan mungkin timbul. Seandai Yang Amat Berhormat mempunyai saham yang paling banyak di Bank Bumiputra. Sila ulangi ayat itu.

Tuan Yeoh Poh Sun: Yang mempunyai banyak saham, Tuan Yang di-Pertua, kalau "paling" tidak boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa bukan itu maksud saya, Yang Berhormat. Siapa yang mempunyai saham di Bank Bumiputra?

Tuan Yeoh Poh Sun: Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Kerajaan, terima kasih.

Tuan Yeoh Poh Sun: Bukan Perdana Menteri. Beliau tidak ada saham. Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau sebagai Perdana Menteri, Kerajaan yang mempunyai paling banyak saham di dalam Bank Bumiputra sepatutnya mengambil tahu tentang perkembangan dengan lebih teliti supaya dapat mengarahkan tindakan Kerajaan, jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang terlibat terlalu banyak dan susah bagi kami hendak percaya yang beliau sebagai seorang Perdana Menteri tidak mahu tahu mengenai keadaan yang sebenarnya.

Wang yang terlibat sekurang-kurangnya, Tuan Yang di-Pertua, boleh membina 6 Daya Bumi; 3 Jambatan Pulau Pinang; 70,000 unit rumah kos rendah bernilai \$30,000 seunit; 35,000 rumah setingkat yang bernilai \$60,000 seunit, masih ada "change" lagi, Tuan Yang di-Pertua; 10,000 rumah banglo; 30,000 unit kereta Mercedes; 100,000 kereta Datsun atau Proton Saga; satu juta set TV termasuk alat perakam video; 400,000 komputer kecil; membiayai kos susu untuk satu juta

murid selama 9 tahun atau membekal buku teks kepada satu juta murid selama 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di tangan saya ada satu lottery ticket, Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat Dan Kebajikan. \$2.5 billion adalah sama dengan 3,517 kemenangan bagi \$700,000 Hadiah Pertama Loteri Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan kepada 20 cabutan setahun, ini akan mengambil masa 178 tahun untuk mencapai matlamatnya. Kalau saya mula beli sekarang dan tiap-tiap cabutan saya menang hadiah yang pertama, maka cucu-cucu saya boleh akhiri sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Saya setuju, Yang Berhormat. Sebab itu Kerajaan bantangkan Kertas Putih. Sila teruskan.

Tuan Yeoh Poh Sun: Saya amat serius, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu beritahu gambaran yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kita cuba bayangkan apakah kemungkinan untuk seseorang memenangi hadiah sebanyak \$2.5 billion. Kemungkinan untuk menang hadiah pertama hanya satu di dalam enam juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebaliknya pula cuba buat tuduhan bahawa ada yang menggunakan skandal ini supaya dapat menjatuhkan pucuk pimpinan Melayu dan juga cuba hendak memusnahkan Bank Bumiputra. Ini jelas sepertimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pada 25hb Oktober, 1984. Yang perlu tak dibuat, tetapi beliau mahu pula membuat tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada

sebut mengenai dengan itik yang bertelur emas pada 12hb Oktober, 1983, "goose that lays the golden eggs", Tuan Yang di-Pertua. Sekarang rakyat Malaysia hendak tahu di manakah adanya itik itu dan di mana pula telur-telur emas yang dicari itu? Ini semua mimpi belaka. Bukti yang jelas tidak dihiraukan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, cerita dongeng pula menjadi isu.

Tuan Yang di-Pertua, laporan akhir BMF memastikan tindakan oleh Bank Negara bermula pada 30hb September, 1983 apabila satu Pasukan dari Bank Negara melaporkan. Saya baca. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"Setelah terbukti dengan jelas bahawa pertalian di antara BMF dengan Kumpulan Carrian adalah sungguh berlainan dari pertalian yang selalu terdapat di antara banker dan pelanggan".

Mengapa BMF terus memberikan pinjaman kepada Kumpulan Carrian walaupun Kumpulan itu telah mengumumkan ia sedang mengalami masalah kewangan yang serius?

Tuan Yang di-Pertua, ini semua dapat berlaku kerana Kerajaan ingin telah sanggup menipu dan sanggup menyekat pendedahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba memberi gambaran yang tidak sebenarnya di peringkat awal dan tindakan yang diambil oleh beliau bercanggah dari tindakan yang sepatutnya diambil sekiranya beliau betul-betul ingin mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF ini juga telah mencemarkan Kerajaan dan Bank Negara kita kerana tidak menggunakan kuasa dengan betul sehingga pinjaman BMF hampir memusnahkan Bank Bumiputra dan imej negara turut terjejas. Dengan

kuasa yang diberi seperti terkandung di dalam Seksyen 22 Akta Bank, Banking Act 1973 (Akta Bank 1973). Bank Negara dan Kerajaan patut mengambil tahu mengenai pengurusan badan kewangan.

Ini adalah justifikasi yang diberi oleh Kerajaan semasa mendebat Rang Undang-undang Bank 1958 pada 2hb Disember, 1958. Tambahan pula, satu Syarikat Kewangan hakmilik negara yang terlibat, tetapi kedua-dua pihak mengatakan mereka tidak tahu menahu dan tidak terlibat. Kerajaan telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta Bank 1973, dan Akta Syarikat Kewangan tahun 1969 atau Finance Companies Act, 1969, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Hairan sekali, sebenarnya terkejut sekali, begitu banyak wang boleh dibawa keluar ke negeri lain tanpa diketahui Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa BMF membuat teguran yang betul apabila mereka melapor bahawa Bank Negara sepatutnya mengambil tindakan supaya pegawai-pegawai yang berkuasa penuh di BMFL dipecat dari jawatan oleh kerana beberapa perkara yang melanggar Peraturan Bank di muka surat 529 Laporan Akhir—sedih. Ini tidak dibuat, Bank Negara sebaliknya berpuas hati dengan keterangan yang diberi oleh Dr Nawawi yang mengatakan semuanya terkawal dan Dato Hashim yang mengatakan BMFL tidak akan mengalami kerugian. Kuasa Bank Negara untuk bertindak adalah terkandung di dalam Bahagian VI, Akta Bank 1973.

Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa dahulu, Gabenor Bank Negara pernah mencadangkan supaya Pengurus Besar BMF dibuang kerja, tetapi cadangan ini tidak dilaksanakan. Pengurus Besar yang dimaksudkan ialah Encik Ibrahim Jaafar dan beliaulah yang tidak setuju

dengan Syarikat Touche Ross, kerana syarikat ini bertugas sebagai Juruaudit BMF dan beliau kurang senang kerana syarikat ini telah membuat banyak teguran. Syarikat ini juga telah mengatakan bahawa satu daripada pelanggan utama BMF adalah, dengan izin, Slater Walker (Exhibit 294). Apa yang berlaku seterusnya membuktikan bahawa dakwaan ini betul dan tepat.

Di sini saya ingin bertanya bolehkah kita mengangap George Tan dari Kumpulan Carrian adalah sama seperti Slater Walker, kerana mereka berdua adalah penjenayah perniagaan yang paling dahsyat. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, both are in the same gallery of commercial rogues.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa lagi soalan. Mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan supaya membawa pulang Ibrahim Jaafar, Lorrain Osman, Dato Hashim, Dr Rais, Henry Chin dan lain-lain lagi supaya mereka didakwa di bawah seksyen 27 Akta Mencegah Rasuah, tahun 1967 (Anti-Corruption Act, 1967)? Adakah ini bersabit dengan Attorney-General pada satu.....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta pengesahan Yang Berhormat sebentar. Kita boleh dakwa sekiranya kesalahan itu berlaku di luar daripada Malaysia di bawah Akta berkenaan. Saya tidak tahu, saya mohon Yang Berhormat maklumkan kerana Yang Berhormat seorang peguam.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, ada negara lain yang kita ada reciprocity arrangement, ada yang tidak; fasal immunity, reciprocation ada di antara England dan Malaysia, tetapi France tidak ada. Jadi kalau Lorrain Osman pergi ke France, tidak ada reciprocity. Dengan izin, so it depends on whether we have a reciprocity agreement. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yeoh Poh San: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah ini bersabit dengan Attorney-General, pada satu ketika tidak tahu mengenai seksyen 27 ini? Mengapakah 7 dakwaan ataupun writ terhadap George Tan ditarik balik, sehingga hari ini setelah menerima Laporan Akhir BMF? Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan, BMF atau Bank Bumiputra, jika tidak ada tindakan yang diambil, saya ingin bertanya kenapakah tidak? Suratkhbar *Malay Mail* semalam menyatakan BMF akan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah benar atau tidak bahawa Bank Bumiputra Berhad adalah di bawah Perdana Menteri, sama juga dengan badan-badan seperti PETRONAS dan PERNAS? Jika benar, BMF juga di bawah Perdana Menteri kerana ia adalah 100% hakmilik Bank Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara yang berprinsip tinggi, di negara-negara yang bernilai tinggi, sekiranya perkara sedemikian berlaku sesiapa yang bertanggungjawab, dengan sendirinya, dengan sukarela akan meletak jawatan tanpa dipaksa kerana tindakan ini lazim.

Tuan Yang di-Pertua, yang agak menjolok mata bersabit dengan pinjaman kepada Carrian ialah 70% daripada \$2.5 billion pinjaman yang diluluskan selepas Kumpulan Carrian dikenalpasti mengalami masalah kewangan yang serius. Selalunya jika perkara ini berlaku satu arahan akan diberi untuk menghentikan pinjaman kepada syarikat yang berkenaan dan juga kepada syarikat-syarikat yang ada kena-mengena dengan Carrian. Tetapi sayang, ini tidak dilakukan walaupun satu Jawatankuasa Penyeliaan ditubuhkan di Kuala Lumpur dan semua pinjaman oleh BMF Hong

Kong perlu dapat kelulusan dari Jawatankuasa ini di Kuala Lumpur terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin rujuk, oleh kerana ada banyak khabar angin kepada surat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti terkandung di dalam Lampiran 7, Kertas Putih. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut mengenai syndicated loan di perenggan kedua surat beliau. Adakah benar yang syndicated loan tidak melibatkan Bank Bumiputra dan BMF? Adakah perlu bagi Dr Rais berbincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan syndicated loan kerana semua syndicate loan Kerajaan diurus melalui Bank Negara? Jadi mengenai Bank Negara, tadi saya telah tanya sama ada ia di bawah jurisdiction Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersabit dengan case Grand Marine. Saya ingin bertanya, mengapa tidak ada sesiapa pun yang memberi penjelasan mengenai dengan kes ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu bagaimana penglibatan Kumpulan Fleet. Apakah pertalian Carrian dengan Fleet? Adakah Fleet Group terlibat dengan Kumpulan Carrian? Apakah sebabnya Kumpulan Carrian membeli pangsapuri dari Kumpulan Fleet di London? Sudah tentu ada orang yang berpengaruh memperkenalkan Kumpulan Carrian kepada Kumpulan Fleet.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang anihnya ialah pemberian wang oleh Kumpulan Carrian kepada Datuk Yunus supaya memulakan perniagaan di Malaysia. Anih, sebab Kumpulan Carrian dikatakan satu kumpulan perniagaan yang besar dan aktif di Hong Kong dan di seluruh dunia. Mengapa pula hendak memulakan perniagaan di Malaysia?

Adakah ini satu helah? Siapakah yang memperkenalkan Kumpulan Carrian kepada Datuk Yunus?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh lampiran VIII Kertas Putih. Dengan cara apakah pinjaman dibuat dari BMF kepada Asia West dan Sherridan kerana mengikut rekod permohonan pinjaman tidak pernah dibuat. Adakah pinjaman itu dibuat berasaskan arahan yang diterima dari peringkat atasan? Adakah benar satu anak syarikat Asia West di Hong Kong terpaksa ditutup oleh kerana rugi? Saya tanya sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Merujuk kepada pembelian cek pengembara oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, saya hanya hendak bertanya, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dapat memberi penjelasan, adakah benar sekiranya mengikut peraturan seorang Menteri Kabinet perlu memohon cuti dahulu sebelum bercuti ke luar negeri?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah benar bahawa laporan ringkas BMF Kedua diserahkan kepada Kabinet pada awal tahun 1985 atau penghujung tahun 1984? Saya tanya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar? Dan adakah benar di mesyuarat Kabinet yang berkenaan keputusan dibuat supaya laporan ringkas BMF yang kedua ini tidak diumumkan? Kalau benar, saya ingin tahu siapa yang membuat keputusan ini?

Tuan Yang di-Pertua di sini kami ingin bertanya kepada Kerajaan mengapa passport orang-orang yang terlibat dalam skandal BMF tidak ditahan supaya mereka tidak boleh lari ke lain negeri? Mengapa tindakan tidak diambil awal-awal supaya kedudukan cukai pendapatan mereka ini disiasat dan tindakan yang sewajarnya diambil?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak bersetuju sama sekali dengan tindakan Kerajaan yang telah menggunakan wang pendapatan PETRONAS untuk mengatasi masalah yang timbul yang disebabkan oleh kerugian yang terlalu besar yang menimpa BMFL yang hampir-hampir melumpuhkan BBMB. Wang PETRONAS adalah wang rakyat dan sepatutnya digunakan untuk projek-projek pembangunan yang diperlukan oleh rakyat dan negara. Manakah keadilan sekiranya wang untuk rakyat digunakan untuk menampung kerugian BBMB yang diakibatkan oleh kecuaiannya Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF ini adalah satu ujian bagi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sama ada beliau akan membuktikan kepada semua yang beliau akan benar-benar mempraktikkan coganata "Bersih, Cekap dan Amanah".

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa skandal BMF ini berlaku oleh sebab Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan nepotism dan croniism, dengan izin, dengan alasan Dasar Ekonomi Baru, beberapa individu telah dilantik supaya memegang jawatan penting kerana mereka adalah kawan baik persendirian atau seorang penyokong. Perlantikan-perlantikan dibuat bukan kerana individu itu ada pengalaman dan kelulusan. Inilah akibatnya. Dan jika kita tidak mahu mempelajari dari pengalaman yang pahit ini besarlah kemungkinan perkara yang sama akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya mengenai skandal BMF dengan menyampaikan kata-kata yang berpunca dari Allahyarham Jalil Ibrahim seperti yang terkandung dalam surat yang beliau tidak dapat kirimkan kepada isteri dan anaknya.

Muka surat 657 laporan akhir:

“Sekiranya Pengarah-pengarah mementingkan bank, bangsa dan negara, mereka sudah tentu tidak membuat kesalahan-kesalahan. Saya telah banyak berkorban dan menghadapi beberapa masalah yang berpunca dari kesalahan mereka itu. Saya telah disuruh supaya terus berkorban demi kepentingan mereka dan disuruh ke Amerika Syarikat. Ini perbuatan gila dan saya dengan tidak melengah masa akan memberi pendapat saya kepada mereka.”

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya harap dan saya merayu kepada semua rakyat Malaysia supaya di masa akan datang tidak seorang pun daripada pegawai kita yang jujur akan menjadi mangsa keadaan demi kepentingan politik atau untuk memuaskan nafsu golongan yang kurang bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, kami mencadangkan yang berikut:

- (1) Satu Suruhanjaya Di Raja ditubuhkan supaya dapat menyambung penyiasatan skandal BMF ini. Suruhanjaya Di Raja dapat menggunakan laporan Jawatankuasa BMF sebagai dokumen asas;
- (2) Kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Hong Kong perlu ditingkatkan supaya kes Allahyarham Jalil Ibrahim dapat disiasat dengan lebih berkesan lagi;
- (3) Tindakan mahkamah diambil terhadap Dr Nawawi, Ibrahim Jaafar, Henry Chin, Dato Hashim, Lorraine Osman, Dr Rais dan lain-lain yang terlibat. Mereka ini sepatutnya didakwa di mahkamah Malaysia, didakwa, Tuan Yang di-Pertua, charge, dan jika didapati salah, dimasukkan ke dalam penjara.

George Tan dan lain-lain pegawai Carrian dibawa ke Malaysia sebagai saksi.

- (4) Pasukan Penyiasat Polis diperbaiki supaya penyiasatan mereka lebih berkesan. Setakat ini kita tidak dapat melihat apa-apa perkembangan pun walaupun aduan dibuat melebihi setahun.
- (5) Bank Negara yang terlalu cuai perlu dioverhaul, dengan izin, supaya perkara yang sama tidak berulang;
- (6) Jabatan Peguam Negara yang kurang berkesan perlu dibaiki supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan cepat. Cepat, Tuan Yang di-Pertua.
- (7) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaannya hendaklah meletak jawatan dan satu pilihanraya umum diadakan supaya rakyat dapat membuat pilihan dan memutuskan reaksi rakyat terhadap skandal BMF ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh sedikit tentang Tragedi Memali. Kertas Putih diketahui sebagai Kertas Perintah 21/1986 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, saya baca dari muka 24:

“..... Tindakan polis di Kampung Memali pada pagi 19hb November, 1985 adalah satu tindakan bagi menguatkuasakan undang-undang dan membendung dari merebaknya kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan huru-hara serta mengancam keselamatan negara”.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh Malaysia, seluruh dunia telah dengar berita pada 19hb November, 1985

mengenai tragedi berdarah di Kampung Memali, Baling, Kedah di mana 18 jiwa telah terkorban termasuk 4 orang anggota Polis.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dijangka, Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan cepatnya menuduh ini perbuatan penjenayah atau pengikut-pengikut ajaran yang salah. Seluruh negara ingin mengetahui, keterangan dari Kerajaan mengenai sebab-sebabnya tragedi berdarah di Memali berlaku dan apakah sebenarnya yang berlaku? Sehingga hari ini janji yang dibuat oleh Kerajaan supaya mengadakan forum untuk membincang tragedi tersebut belum ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, tayangan Video oleh RTM 1 pada 3hb Januari, 1986 mengenai tragedi Memali boleh dianggap sebagai satu usaha Kerajaan untuk memberi alasan terhadap tindakan yang telah diambil. Ramai rakyat berpendapat bahawa tayangan selama 2 jam 35 minit oleh RTM pada 3hb Januari di antara pukul 8.40 hingga 11.15 malam itu hanya untuk menunjukkan kebaikan Kerajaan dan polis dan tidak memberi gambaran yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita cuba mengikuti apa yang berlaku pada pukul 8.40 malam, 3hb Januari melalui RTM 1, RTM telah menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang merasmikan upacara pembukaan Pusat Dagangan Putra. Ini boleh dianggarkan sebagai satu usaha untuk mengkhayalkan rakyat tentang kebaikan Kerajaan serta sumbangannya kepada kaum bumiputera. Ini adalah satu adegan yang sengaja dipilih untuk memberi suasana awal yang tidak kena kepada masa dan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, tayangan mengenai tragedi berdarah Memali mengambil masa 37 minit, di mana 2

minit ditumpukan untuk menayang apa yang Kerajaan mendakwa telah berlaku, tetapi tidak menunjukkan perkara yang sebenarnya berlaku. Bagi masa 25 minit lagi kita dapat menyaksikan adegan-adegan yang bercampuraduk tanpa arah dan mengelirukan. Ini adalah untuk memberi penekanan dakwaan Kerajaan terhadap pihak yang bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, jangka masa 37 minit didapati tidak mencukupi untuk membersihkan pencemaran Kerajaan tentang peristiwa Memali itu. Selepas itu RTM telah menayangkan rancangan filem mengenai persaudaraan di antara umat Islam. Ini pula diikuti oleh tayangan filem Bukit Kepong yang tidak dijadualkan. Filem Bukit Kepong mencerminkan keberanian angkatan polis kita menentang komunis semasa dharurat. Filem ini ditunjukkan semata-mata untuk mempertingkatkan lagi imej keperwiraan penjaga keamanan dan meletakkan golongan yang terlibat dengan tragedi Memali dalam kumpulan yang sama seperti komunis tetapi kita tahu perkara ini tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, tayangan Video peristiwa Memali pada 3hb Januari itu serta Kertas Putih yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini telah gagal memberi jawapan yang dianggap penting dan basic, dengan izin, mengenai tragedi tersebut. Kertas Putih ini tidak mempunyai apa makna pun. Di sini saya ingin bertanya:

Pertama, apakah yang menyebabkan peristiwa Memali berlaku. Adakah ianya satu masalah sosial, ekonomi, politik atau agama?

Kedua, mengapa kawasan rumah yang berkenaan tidak disekat supaya keperluan seperti air, makanan, elektrik tidak sampai. Ini akan dapat

mengelakkan pertempuran dan tumpahan darah.

Ketiga yang saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, mengapa pihak Polis dan FRU tidak sabar merempuh masuk rumah Ibrahim Libya kerana masih ramai kanak-kanak dan wanita dan mungkin juga lelaki-lelaki yang tidak terlibat berada di dalam rumah itu.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang memberi arahan untuk merempuh rumah Ibrahim Libya?

Kelima, mengapakah pihak Polis dan FRU dilengkapi dengan senjata yang moden serta mempunyai bilangan yang lebih ramai yang sudah tentu dapat mengatasi semua tentangan dengan mudah tidak mencari jalan supaya menumpahkan darah dapat dielakkan.

Keenam, siapa dan apakah yang membuat orang-orang kampung yang terlibat menjadi marah serta tidak menyedarkan

Dato K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan?

Dato K. Pathmanaban: Minta penjelasan.

Tuan Yeoh Poh San: Saya tidak benar penjelasan. Saya sudah beritahu, Yang Berhormat dari Port Dickson tidak ada di Dewan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benar.

Keenam, siapa dan apakah yang membuat orang-orang kampung yang terlibat menjadi marah serta tidak sedarkan diri. Adakah ini berpunca dari ajaran agama? Itulah enam pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan telah mengeneipkan faktor sosio ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, data-data di bawah sangat menyedihkan.

Keadaan kemiskinan Malaysia dan di Baling.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia. Seluruh Malaysia pada tahun 1975 ialah 44%. Pada tahun 1980 ialah 29%. Pada tahun 1985 ialah 30%.

Bagi sektor pertanian. Kemiskinan di seluruh Malaysia pada tahun 1975 ialah 63%. Pada tahun 1980 ialah 46%. Pada tahun 1985 ialah 51%.

Bagi pertanian getah, Tuan Yang di-Pertua, seluruh Malaysia pada tahun 1975 keadaan kemiskinan ialah 59%. Tahun 1980 41%. Tahun 1985 61%. Jika dibandingkan dengan kawasan Baling, Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Baling pada tahun 1980 76%. Pada tahun 1985 lebih dari 80%. Bagi pertanian getah pada tahun 1985 di kawasan Baling 93%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit keterangan umum tentang Baling. Bilangan penduduk daerah Baling kira-kira 110,000 orang. Walaupun ada aktiviti ekonomi lain, tanaman getah merupakan punca ekonomi utama rakyat Baling. Kira-kira 45% ketua keluarga tidak mempunyai tanah. Kira-kira 55% daripada yang bertanah mempunyai kurang dari 5 ekar ataupun 2 hektar. Kira-kira 40% daripada pemilik tanah tidak mempunyai geran hakmilik.

Tuan Yang di-Pertua, tayangan Video dan pembentangan Kertas Putih di Dewan yang mulia ini telah menimbulkan lebih banyak pertanyaan dari jawapan mengenai tragedi Memali ini. Kerajaan telah gagal memberi penjelasan sepenuhnya mengenai tragedi di Memali ini. Kertas Putih ini tidak ada makna tetapi hanya satu usaha, dengan izin,, whitewash sahaja. Nampaknya Kerajaan hanya hendak menutup tragedi ini tanpa mencari kebenaran.

Saya harap minggu depan penjelasan yang penuh akan diberi tentang tragedi ini.

Kami syorkan penubuhan badan Suruhanjaya Penyiasat Di Raja untuk menyiasat tragedi di Memali dan mencadangkan Dato Justice Harun Hashim, Tan Sri Dr Tan Chee Koon, Dr Chandra Mudzaffar dan Tan Sri Ahmad Noordin sebagai ahli-ahli. Kami juga menggesa supaya Kerajaan membebaskan orang-orang tahanan yang ditahan tanpa perbicaraan di bawah Undang-undang ISA. Sekiranya ini tidak diluluskan, kami meminta Kerajaan mengadakan perbicaraan umum dengan segera supaya mereka yang terlibat dengan tragedi Memali diberi peluang untuk dibicarakan dengan adil dan diharap keadaan yang sebenarnya dapat didadahkan.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.20 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, untuk sama-sama membahaskan Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diucapkannya pada 10hb Mac, 1986 baru lalu, saya ingin menyebutkan dengan ringkas bahawa satu Titah yang telah dilafazkan oleh Baginda-baginda Sultan Negeri ataupun oleh Yang di-Pertuan Agong, sebahagian besarnya disusun oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Jemaah Menteri Pusat, kalau pun tidak kesemuanya sekali, ianya dikemukakan oleh Baginda Sultan dan Baginda Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sebagai pandangan dan dasar Kerajaan yang sedang berkuasa. Oleh itu, tidaklah mencemarkan Baginda

sekiranya ulasan-ulasan yang saya akan buat ini memperlihatkan kelemahan-kelemahan atau kepalsuan amalan Kerajaan yang sedang dijadikan landasan bertindak sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik apabila Baginda menyentuh mengenai cabaran terhadap negara oleh orang atau golongan yang menyalahgunakan agama untuk kepentingan peribadi dan politik. Tuan Yang di-Pertua, perkataan mempergunakan agama menyalahgunakan agama dan sebagainya selalu ditonjolkan sekarang ini untuk mengelirukan dan menakutkan rakyat yang sebahagian besarnya tidak mendalami pengajian agama. Kepala orang yang mempelajari agama dan mendalaminya yang bilangannya sekaran ini semakin membesar, Alham-dulillah, kata-kata tadi akan menikam balik perut yang mengatakan itu sendiri.

Saya hendak tanya benda apakah yang digunakan oleh Rasullullah s.a.w. untuk menarik orang ramai supaya menyokong Baginda kalau tidak agama? Benda apakah yang telah digunakan oleh Baginda Rasullullah s.a.w. untuk mendapat sokongan dan bantuan orang ramai kalau tidak kerana Qallallah dan Firman Allah. Benda apakah yang menjadi daya tarikan orang ramai terhadap Baginda Rasullullah s.a.w. kalau tidak kerana wahyu yang diterimanya sebagai firman dan tingkah laku Baginda, tutur kata Baginda dan kerja, buat Baginda sebagai Hadis dan pentafsiran wahyu, yang kesemuanya itu disebut agama. Tidak ada apa pun yang menjadi daya menarik untuk Baduwi Arab yang jakun itu terhadap Baginda Muhammad bin Abdullah s.a.w. selain daripada agama yang dibawanya. Hendak dikatakan kerana hartanya menjadi daya tarikan maka beliau

orang miskin yatim piatu. Hidupnya sendiri di bawah jagaan nenekdanya Abdul Mutalib.

Kemudian berpindah di bawah bapa saudaranya Abu Talib yang juga miskin. Hendak dikatakan kerana kekuasaan yang diperolehi, beliau adalah Nabi Rahmah bukan dari golongan samseng yang bermaharajalela. Kesimpulannya, benda yang dipergunakan sepenuhnya oleh beliau untuk menarik sokongan dan bantuan orang ramai sejak dahulu sampai hari ini, baik pun di bahagian ibadat ataupun di bidang pemerintahan, beliau hanyalah agama. Sabda yang keluar daripada beliau dan semua tindak-tanduk beliau adalah menjadi bahan turutan seluruh umat Islam sejak dahulu sampai Kiamat. Orang-orang yang menerimanya disebut Mukmim, yang tidak menerimanya ada yang disebut Munafik dan ada yang disebut Kafir.

Sungguhkah PAS telah menyalahguna agama seperti yang disebut-sebut, itu belum tentu! Kerana di depan kita ada dua, satu UMNO, satu lagi PAS. Mengikut kaedah biasa bila berlaku bertengkar di antara dua orang atau dua puak maka orang yang ketiga perlu dicari. Sekarang segala kata-kata yang tidak sedap didengar yang dilemparkan ke atas PAS sama ada pelampau, pemecah-belah masyarakat, penyalahguna agama adalah tuduhan sebelah pihak sahaja, iaitu UMNO. Puak yang ketiga belum lagi dicari sampai sekarang walaupun bagi orang Islam puak ketiga ini memang telah lama wujud kerana turunnya Adam alaihissalam ke dunia ini sejak zaman purba pun adalah untuk membawa misi penyelesaian, yang bertugas sebagai puak ketiga, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, kata-kata kesat dan tuduhan-tuduhan tadi sengaja dibesarkan bagi melindungi keburukan mereka sendiri iaitu menolak puak ketiga sebagai misi damai, misi damai

yang dikirim sendiri oleh Allah, pencipta alam melalui para ambia alaimussalam, yang bermula daripada Adam terus-menerus kepada Nabi Musa a.h., Nabi Isa a.h. dan akhir sekali Nabi Muhammad s.a.w. Sila baca ayat seratus dua puluh tiga, Surah Thaha.

Tuan Yang di-Pertua, telah ada usaha sedikit-sebanyak ke arah meredakan keadaan dan kalau boleh menghapuskan keadaan tegang di antara UMNO dengan PAS sejak lama dahulu.

Saya sebutkan di sini bahawa hingga hari ini sudah empat kali ura-ura hendak mengadakan perjumpaan secara berdepan dengan PAS di bawah berbagai-bagai nama tetapi tidak pernah jadi pun.

Yang pertama, semasa PAS masih di bawah pimpinan Datuk Mohd. Asri, ketika mana seorang pemimpin tertinggi Kerajaan berucap di sebuah kilang Butir Jagus, di Kampung Raja, Besut, kira-kira empat lima tahun dahulu, dalam ucapannya itu beliau menyebut masalah-masalah muzakarah dengan PAS dan diulangi lagi di tempat-tempat lain tetapi tidak pernah menemui pemimpin PAS sendiri, menyebabkan Pesiden PAS ketika itu membuat ulasan bahawa cara melaung-laungkan muzakarah di sebelah pihak sahaja tanpa menghubungi pihak yang kedua, serupalah orang yang hanya melaung di tengah market ikan bahawa dia mahu meminang anak gadis si anu, si anu tetapi tidak pernah berhubung dengan keluarga anak gadis itu sendiri.

Kali yang kedua, ialah bila isu debat ditimbulkan oleh orang yang sama tetapi tidak jua terlaksana.

Kali yang ketiga, ialah bila isu Memali meletus, timbul lagi isu dailog dengan PAS dan disambut oleh

beberapa pihak yang ingin menyertai dailog itu seperti Persatuan Ulama Malaysia dan lain-lain. Inipun tidak sampai ke mana-mana juga. Dan keempat ialah yang sedang heboh seminggu dua, sebulan dua ini daripada seorang Menteri dan kemudian dibentuk satu jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang dikenali tidak mempunyai pengalaman dalam hal-hal kerja seperti ini dan sampai sekarang pun kami tidak terima apa-apa jemputan dan maklumat yang rasmi, kerana UMNO masih terus-menerus direndung bala dan kalau usaha membawa balik Menteri yang telah meletak jawatan baru-baru ini berjaya maka makin banyak lagi balanya yang akan menimpa. Kesimpulannya tidak siapa boleh menerima tuduhan-tuduhan liar dari pihak pertama ke atas pihak yang kedua selagi misi damai pihak ketiga iaitu ajaran Nabi Muhammad s.a.w. terus-menerus ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jarak masa kira-kira 30 tahun negara ini diperintah oleh Kerajaan yang wujud sekarang ini, sudah acapkali cerita Kertas Puteh ini dikemukakan kepada rakyat. Dua Kertas Puteh yang dikemukakan sekarang ini kalau tidak salah saya adalah kertas yang ke 6 dan kertas yang ke 7. Sesungguhnya acap sangat menggunakan Kertas Puteh ini memberi erti banyak kesilapan dan penyelewengan berlaku. Pihak Kerajaan boleh meletakkan punca silap dan seleweng itu atas kepala rakyat, bahkan pihak Pembangkanglah yang tidak bertanggungjawab. Tetapi kalau mengikut ilmu pendidikan maka murid yang gagal dalam pelajaran itu tidak mestinya kerana mereka bebal. Terdapat banyak kegagalan murid-murid itu berpunca daripada Cikgunya sendiri yang tidak pandai mengajar atau pihak pentadbiran itu sendiri yang cuai dalam tugas hariannya. Dengan itu, mintalah tolong jaga

sedikit status Kertas Puteh ini supaya ianya terus putih melepak, tidak putih pucat.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bandingkan di antara isu Memali dan isu BMF kita dapati banyak rahsia-rahsia yang memalukan telah didedahkan oleh satu jawatankuasa yang hanya dibentuk oleh BBMB yang kuasa-kuasanya adalah terhad. Usaha-usahanya mencari dan meneliti fail-fail tertentu hanya terletak di atas ikhsan balas kasihan pihak jabatan-jabatan tertentu. Apa kata kalau kerja-kerja penyiasatan ini ditugaskan kepada sebuah Jawatankuasa di Raja yang mempunyai kuasa-kuasa pembongkaran yang tidak terbatas sudah pasti banyak lagi penyelewengan dan pengkhianatan yang akan terburai keluar.

Tetapi dalam kes Memali, usahkan Suruhanjaya di Raja yang dibentuk sepertimana yang kami tuntutan selama ini, jawatankuasa kecil seperti yang dibuat oleh BBMB pun tidak ada. Yang ada di hadapan kita hanya kenyataan sebelah pihak sahaja iaitu pihak Kerajaan, pihak Kerajaan sahaja yang bermaharajalela membuat kenyataan-kenyataan tertentu.

Dato Haji Dasuki bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak minta jalan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta jalan.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tidak. Saya belum sembahyang Asar lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tambah buruk lagi bila sebahagian daripadanya dibuat oleh orang-orang tertentu semasa mereka ditahan, yang besar kemungkinan mereka itu telah

dilakukan sesuatu yang menjejaskan mental dan fizikal mereka. Dan dalam kes penangkapan apa yang dikenali sebagai kes "Tiga Abdul" dahulupun, ada di antara mereka yang telah membuat kenyataan terbuka bila mereka dibebaskan menafikan kesahihan kenyataan yang mereka buat semasa dalam tahanan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara penting di dalam kes Memali ini yang perlu dijelaskan iaitu:

Pertama, tidak terdapat pemeriksaan ke atas senjata dan peluru oleh Jabatan Kimia dan sebagainya sepertimana yang telah dibuat dalam kes pembunuhan Dato' Mokhtar Hashim. Penyiasatan ini selain daripada tugas biasa pihak yang berkenaan yang perlu dilakukan, ia juga boleh menentukan benar atau tidak teori peluru getah atau katakanlah peluru air sejuk yang digunakan oleh pihak pasukan bersenjata. Dia juga boleh menentukan pembunuhan ke atas pegawai-pegawai bersenjata itu sama ada daripada pihak mereka sesama sendiri memandangkan gambar sketch yang ditunjukkan di muka depan sebuah akhbar berbahasa Inggeris di hari yang pertama kejadian itu berlaku menunjukkan kedudukan pasukan Polis itu adalah secara berdepan satu sama lain; satu.

Kedua, apa puncanya maka dalam kes pembunuhan Mamali ini sahaja yang dikenakan kepegangan dan tangkapan yang sampai luar daripada peri kemanusiaan, kecil-besar, tua-muda; sedangkan semasa pembunuhan bekas Ketua Polis Negara dulu tidak ada apa-apa pun tindakan luar biasa seperti itu. Semasa ramai detektif-detektif kita yang dibunuh di jalan-jalan raya di Kuala Lumpur sendiri oleh perompak-perompak yang bersenjata juga tidak ada kepegangan-kepegangan dan tangkapan-tangkapan beramai-ramai dibuat.

Ketiga, sudah tidak adakah cara lain yang boleh dibuat selain daripada membawa pasukan bersenjata beramai-ramai, penuh dengan kelengkapan perang yang jelas datang untuk membunuh, bukan untuk berunding. Bukankah lebih baik menggunakan kepegangan ketat, seketat-ketatnya supaya barangan makanan dan minuman kehabisan. Dan bagi orang kampung Baling keseluruhannya yang terkenal miskin, sudah tentu tidak banyak simpanan bekalan makanan yang biasanya tidak lebih daripada untuk satu ke dua minggu sahaja; itu pun banyak. Bila mereka kelaparan dan kehausan, keadaan tidak lagi memerlukan peluru dan gas pemedih mata yang memakan korban harta dan nyawa.

Kalau dengan Chin Peng, Ketua Komunis, boleh diusahakan sungguh-sungguh sampai boleh berunding. Kalau dengan pengganas-pengganas komunis pun Kerajaan lebih banyak menggunakan taktik mengepong, tidak taktik menyerang maka adalah seorang ustaz, yang Kertas Putih sendiri mengakui ilmunya tinggi dan pihak Polis sendiri mengakui kebaikannya dengan memberikannya senapang patah yang berlesen, adakah ianya lebih buruk daripada Chin Peng? Tidak masuk akal!

Kejadian Mamali, Tuan Yang di-Pertua, perlu menjadi pelajaran kepada pihak Kerajaan bahawa tidak semua manusia boleh tunduk kepada Akta ISA dengan sewenang-wenangnya.

Ada di antara manusia yang berpelajaran tinggi telah menggunakan ilmu dan akal yang dikurniakan kepadanya oleh Tuhan seperti Allahyarham Al-Syahid Ibrahim Libya misalnya, untuk menanya diri sendiri mengapa aku dikenakan ISA, sedangkan tidak ada orang yang aku bunuh sebelum ini. Tidak ada wang negara yang aku

gelapkan sebelum ini. Tidak ada pengajaran ilmu salah yang aku sibarkan sebelum ini. Kerana beliau telah diakui berpelajaran tinggi di bidang Islam. Kerajaan yang menuduh almarhum itu mengajar ilmu salah, adalah Kerajaan yang tidak bermaruah kerana Kerajaan yang ada hari ini sendiri tenggelam dalam lubang ilmu salah. Kalau almarhum Ibrahim Libya salah kerana mengajar ilmu salah sekalipun, maka bukan tugas pasukan bersentaja menembak mati orang yang menyebarkan ilmu salah, ada pihak lain yang ditugaskan untuk membetulkan orang yang mengajar ilmu salah iaitu Majlis Agama Islam. Dan kenapa tidak ditembak mati bekas Pengerusi PSRM yang mengeluarkan teori Hadis yang diakui salahnya oleh pihak Nadwah Islamiah baru-baru ini sendiri?

Pentadbiran Kerajaan yang wujud hari ini adalah sambungan daripada pentadbiran Inggeris yang sengaja membelah-duakan kuasa di antara Inggeris yang bukan Islam dan di antara Raja-raja Melayu yang memerintah dengan syariat Islam sebelum itu, mulai dari Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 hingga ke masa ini. Kerajaan khususnya UMNO yang hingga ke hari ini menjadi tulang punggung pemerintah sekarang tidak berbuat apa-apa pun untuk menyatukan balik pembelahan tadi. Bahkan meneruskan dasar sekular dan pengasingan Islam ini daripada pentadbiran negara.

Siapa sahaja yang membaca ucapan Yang Amat Arif Tun Haji Mohd. Salleh bin Abas dalam sidang pembukaan Seminar Perundangan Islam pada 9-2-1985, di Kuala Lumpur, anjuran Bar Council Malaya dan juga Kertas Kerja yang dikemukakan oleh Professor Dato' Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, dalam Seminar Perundangan Islam anjuran Jabatan Syariah, UKM pada

10-8-1981 di Bangi dengan jelas dapat mengetahui bahawa negara ini bukan negara Islam sepertimana yang ditonjolkan oleh golongan yang berkepentingan.

Itu tidak termasuk lagi ucapan-ucapan pemimpin negara sendiri di merata-rata tempat dan disiarkan secara terang-terangan.

Orang yang berkeras menyatakan negara ini sebagai negara Islam maka secara otomatis telah meletakkan Rasullullah s.a.w. sendiri sebagai ketua bagi negara yang bukan Islam, waizubillah.

Sebaliknya, orang yang menyakini dengan penuh iman bahawa Rasullullah s.a.w. itu ketua negara Islam dengan sendirinya menyakini bahawa negara ini bukan negara Islam. Kerana kalau yang menggunakan perundangan buatan sendiri itu dikira Islam maka yang menggunakan perundangan Allah itu takkanlah hendak dinamakan Islam juga. Kalau di antara negara sosialis dan negara demokrasi pun telah dibeza-bezakan hasil dari perbezaan perlembagaan masing-masing, inikan di antara wahyu langit dan keputusan manusia di bumi takkanlah tidak ada beza.

Kalau kedua-duanya serupa maka serupalah pula taraf wahyu Allah dari langit dengan taraf keputusan manusia di bumi. Dan itulah namanya "syirik".

Mereka yang menyerupakan dua perkara yang tidak serupa inilah yang sebenar-benar pelampau, dan bukan Allahyarham Ibrahim Libya yang dicapkan sebagai pelampau atau pengkhianat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu fatwa; adalah diketahui umum bahawa negara ini bukannya negara fatwa. Bukan negara yang

meletakkan fatwa sebagai asas aktiviti. Bukan negara yang bertanya khabar fatwa terlebih dahulu baru menjalankan kerja-kerjanya.

Negara ini tidak pernah meminta fatwa terlebih dahulu sebelum menjalankan kegiatan ASN misalnya, yang melibatkan kewangan dan ekonomi rakyat yang melabur di tempat-tempat permodalan yang mengamalkan riba. Tidak meminta fatwa terlebih dahulu sebelum membuka kegiatan judi dan maksiat-maksiat lain. Bahkan sebelum daripada melakukan pembunuhan beramai-ramai di Memalipun tidak juga terlebih dahulu meminta fatwa. Meminta fatwa dan mengeluarkan fatwa dalam kes Memali sama ada "syahid makriqah" kah atau tidak adalah merupakan pertolongan cemas dari golongan yang sedang dirundung bala yang mereka sendiri menempunya.

Khalifah pertama, Rasullullah s.a.w. dalam ucapan sulungnya sebelum memegang jawatan ketua negara ada menyebut, yang bermaksud "hendaklah kamu sekalian taatkan saya selagi saya sendiri taatkan Allah." Beliau sendiri mengeluarkan fatwa bahawa ketaatan rakyatnya kepada beliau adalah bersyarat. Beliau sendiri mentaati Allah terlebih dahulu, sedangkan beliau adalah Khalifah yang pertama yang telah diberi mandat oleh Rasullullah s.a.w. supaya orang Islam sekalian taatkan Khalifah.

Maka kalau seorang Khalifah telah meletakkan syarat ke atas diri sendiri maka golongan yang tidak bertaraf Khalifah tidak usahlah bising, dan tidak usahlah risau sangat sekiranya ada sesiapa yang mempertikaikan pendapat dan fatwa mereka. Islam, alhamdulillah tidak tegap atas fatwa, tetapi tegap atas nas yang sah dan muktabar.

Zaman manusia sebelah sini menerima secara total semua pendapat orang atas dan menerima semua fatwa golongan tertentu telah pun berlalu masanya.

Zaman pengajian Islam telah mula menyulahi alam dan generasi baru telah mula menguasai alam pemikiran yang jauh berbeza dengan "grand design" yang diatur oleh golongan Thaghud zaman-berzaman.

Generasi sekarang ini telah dengan selera memikul tugas jihad fillah biamwalihim waamfusihim seperti yang diajar oleh Allah s.w.t. Mereka menerima Allah sebagai Tuhan bukan kerana Allah itu dilantik oleh para Malaikat untuk menjadi Tuhan. Atau ditabalkan terlebih dahulu untuk Tuhan. Allah menjadi Tuhan pujaan mereka kerana ianya Tuhan yang penuh berhak dan berkuasa, termasuk di lapangan Syariah dan hukum. Bukan seperti kekuasaan yang ada di tangan manusia yang lebih dahulu mesti dipilih, terlebih dahulu mesti dilantik, terlebih dahulu mesti ditabal baru berkuasa. Dan cerita fatwa yang bercanggah sesama Mufti Mesir di atas isu berdamai dengan Israel adalah satu isu yang perlu difahami oleh kita sebelah sini.

Sesungguhnya kalau Kerajaan sekarang tidak berniat serong terhadap PAS khususnya Almarhum Ustaz Al-Syahid Ibrahim Libya tentunya banyak lagi ikhtiar yang boleh dibuat untuk mengelak daripada pembunuhan beramai-ramai. Kalau Musa Ahmad, bekas komunis itu pun Kerajaan berjaya membawanya balik hidup-hidup, melintasi beberapa buah negeri, inikan pula Ibrahim Libya yang rumahnya hanya di tepi jalan raya, bukan di tepi hutan belantara, ia hanya dipagari dengan kawat berduri biasa sahaja, bukannya kubu-kubu kuat macam Mengganouk di Perancis atau Barlif di Terusan Siez.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, penyalahgunaan agama hanya berlaku bila agama dan saluran agama itu dipergunakan untuk mempertahankan sekularism, untuk mengharuskan tindakan-tindakan zalim seperti yang diamalkan oleh Kerajaan hari ini. Hatta golongan Padri di Manila yang tidak melibatkan diri dalam proses politik pun tahu bahawa regim Marcos adalah zalim dan menipu, inikan pula kita orang Islam di Malaysia yang sentiasa mengikuti politik untuk membentuk politik Islam makin mudah mengenali dan dapat merasai kezaliman-kezaliman yang berlaku di Memali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah BMF nampaknya tidak jauh bezanya dengan masalah Memali. Sama-sama berlaku kecuaiian dan penyalahgunaan kuasa. Yang saya hendak sebut di sini cuma hanya satu iaitu waktu kes ini mula heboh kira-kira 2-3 tahun lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang telah pun membuat ulasan terbuka bahawa kes ini adalah satu kes jenayah moral. Biasanya jenayah moral ini tindakan ke atasnya pun berbentuk tindakan moral dan tatatertib sahaja, tidak melibatkan fizikal atau kewangan yang banyak. Sekiranya begitulah bendanya, maka kehilangan wang yang amat besar ini tanpa tindakan selain daripada tindakan moral sahaja akan memberanikan lagi penjenayah-penjenayah lain bertindak dalam cara yang sama atau lebih sophisticated di masa akan datang. Dan di masa itu kewibawaan Parlimen dan kedaulatan undang-undang tidak akan mendapat tempat lagi dalam nubari rakyat. Rakyat di masa itu akan bertindak secara mereka sendiri dan inilah yang merbahaya.

Kalau hujan menimpa kita di tengah padang, kita lari berteduh di bawah pokok; kalau pokok tidak dapat meneduhi kita, kita lari balik ke

rumah sendiri. Tetapi kalau rumah sendiri mula bocor, biasanya orang buang atap lama untuk ditukar dengan atap baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.43 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana di saat yang mulia ini dapat saya bersama-sama bangun membahaskan Usul Titah Diraja yang mana Titah Diraja itu penuh dengan pengajaran dan tunjuk ajar kepimpinan yang boleh memberi teladan kepada seluruh rakyat.

Di antara Titah Diraja suatu lafaz al-Quranul-karimun telah dibaca oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah sekalian kamu bersabar; dan hendaklah sekalian kamu bersatu padu, ertinya berkasih sayang antara satu sama lain. Dalam seruan ini bukanlah sahaja Duli Yang Maha Mulia itu bercakap atau bertitah sebagai suatu rekaan manusia bahkan Duli Yang Maha Mulia telah melafazkan ayat al-Quranul-karim, kalimah Allah Subhanahu wataala kalamullah yang memberi tunjuk ajar yang begitu penting sekali bagi rakyat keseluruhannya, berpegang teguh dengan apa nasihat-nasihat dan pandangannya.

Dalam ayat itu yang telah dibaca oleh Duli Yang Maha Mulia itu memberi gambaran kepada seluruh rakyat khasnya di Malaysia ini yang hidup ataupun yang berada berbilang-bilang bangsa. Dengan itu betapa pentingnya bagi pihak rakyat berpegang teguh lebih daripada rakyat daripada negara-negara lain. Polisi-polisi pemerintahan yang telah

diamalkan oleh Kerajaan Malaysia adalah suatu polisi yang amat cermat dan halus demi kerana memandangkan kepada rakyat berbilang bangsa dan berlainan adat sopan dan berlainan pula keturunan dan seni kebudayaannya. Dengan itu pemerintahan Kerajaan Malaysia adalah suatu pemerintahan yang boleh dipuji jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Di antara negara-negara lain di dunia ini yang mereka itu terdiri daripada satu bangsa dan satu adat kesenian dan satu keturunan itupun tidak boleh mendapat keamanan seperti yang ada di Malaysia ini. Maka keamanan-keamanan yang ada pada Malaysia ini amat patut dipupuk dan dipelihara oleh segenap lapisan bukan hanya terdiri daripada tanggungjawab Kerajaan sahaja bahkan tanggungjawab kepada seluruh rakyat yang berbilang bangsa.

Di akhir-akhir ini Malaysia didapati bermacam-macam cubaan dan ancaman yang mana ancaman-ancaman itu adalah suatu cubaan, yang mana cubaan-cubaan itu untuk menjadi suatu cubaan besar kepada Kerajaan yang memerintah dan untuk melihat kekukuhan Kerajaan dan kesetiaan Kerajaan, kesabaran Kerajaan tentang menjalankan pemerintahannya demi untuk kebahagiaan keseluruhan rakyat.

Sebagaimana yang telah didengar oleh seluruh rakyat, Persidangan Parlimen pada kali ini ialah suatu perkara yang amat besar dan perkara yang amat dipandang serius oleh seluruh rakyat ialah tentang perkara dua Kertas Putih yang telah dibentangkan iaitu mengenai isu BMF dan isu Memali.

Dua Kertas Putih ini menjadi bahasan yang hangat yang telah diperdengarkan di Dewan yang mulia inibagi pihak Pembangkang dan begitu

juga bagi pihak backbencher-backbencher dari Kerajaan. Suatu kesimpulan hasrat Kertas Putih ini tidak lain tidak bukan ialah menandakan niat baik Kerajaan untuk memberi fahaman yang jelas kepada rakyat mengenai kedudukan yang sebenar.

Dalam perkara BMF yang telah dapat didengar perbincangannya dalam Dewan yang mulia ini daripada pihak Pembangkang telah mengeluarkan kata-kata dan suara yang lantang mengenai pendapat-pendapat ataupun ancaman-ancamannya terhadap Kerajaan yang mana ancaman-ancaman ini kalau difikirkan sepintas lalu adalah suatu yang menggambarkan kepada membuka kepada fikiran rakyat apakah yang sebenarnya.

Saya percaya bahawa tentang perkara BMF ini, adalah suatu perkara yang menjadi tandatanya kepada seluruh rakyat tetapi sekiranya difahamkan atau dikaji dengan halus ini adalah suatu perkara cubaan dan cubaan ini adalah suatu menggambarkan agar supaya pihak-pihak yang berkenaan akan bertambah rapi dan cermat dalam menjalankan tugas-tugasnya tentang wang \$2,500 juta atau \$2,300 juta itu. Kehilangan itu sungguhpun besar tetapi kalau dikaji tiap-tiap rakyat Malaysia boleh mereka fikirkan bahawa ada kerugian Malaysia lebih daripada itu lagi tetapi kerugian ini masing-masing tidak sangat membicarakan dan ini kerugian yang lebih besar daripada \$2,500 juta bukanlah kerugian menandakan cuai ataupun sebagainya. Bahkan kerugian ini adalah suatu kerugian yang dapat dipandang oleh semua rakyat. Apa yang saya maksudkan itu sepatutnya rugi ini tidak patut saya sebut dalam Parlimen ini tetapi hanya sekadar saya hendak membayangkan tentang kalau difikirkan rugi iaitu kalau difikirkan

sebuah pulau besar yang kepunyaan hak Malaysia jati iaitu Pulau Singapura, bukan harganya \$2,300 juta ataupun harga \$2,500 juta tetapi harganya susah hendak dinilai berapa harganya. Maka Pulau Singapura itu telah hanya menjadi kenang-kenangan, bayang-bayangan yang melambai-lambai sahaja kepada Malaysia, memberi erti sebuah pulau yang hanyut daripada milik, hak Malaysia jati.

Maka ini kalau kita kenang-kenangkan \$2,500 juta yang hilang kita menangis dengan air mata, tetapi kalau mengenangkan Pulau Singapura yang lepas dari tangan kita itu, kita menangis dengan air mata berdarah. Oleh yang demikian, apakah matlamat yang sebenar yang patut benar difikirkan 'alah, apakah sesuatu yang agak kita jaga apa yang ada pada kita supaya tidak terlepas lagi. Itu yang paling penting. Apakah yang patut dijaga, apa yang ada pada milik kita agar tidak menjadi kerugian yang besar seperti yang berlaku seperti BMF.

Dalam perkara BMF ini saya merasa gembira sekali di atas kesungguhan Kerajaan hingga sampai kepada peringkat pembentangan Kertas Putih di Parlimen ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan tidak sekali-kali berdiam diri begitu sahaja. Dengan itu saya mengharapkan agar dengan penuh kebijakan Kerajaan dan penuh keikhlasan yang jati supaya agar dapat kiranya wang-wang yang telah hilang itu diusahakan kembali agar dapat dikembalikan atau dapat dikumpulkan semula apa yang telah hanyut sekadar mana yang boleh di atas usaha yang gigih dan ikhlas dari masa ke semasa agar kepulangan wang yang hilang itu akan dapat dikembalikan semula.

Tentang apa yang telah terjadi, itu adalah suatu pengajaran dan suatu yang menggambarkan kepada kita agar perkara-perkara yang seumpama

ini tidak akan berlaku lagi. Pepatah orang Arab ada berkata "Allifat Mad"—perkara yang telah lepas seakan-akan mati. Jadi ertinya perkara yang telah lepas mati. Maknanya perkara yang telah mati. Oleh itu kita berkira dan kita berbincang perkara yang telah mati tentu sekali tidak sama dengan kita berbincang apa yang masih hidup untuk diperhidupkan supaya hidupnya lebih subur. Memang benar wang yang begitu banyak sekiranya \$2,500 juta ini diberi hadiah kepada orang atau diberi modal untuk jadi modal perniagaan, satu juta, satu juta seorang, ertinya 2,500 orang ada mempunyai modal atau kapital yang kuat, tetapi sesuatu yang hilang atau sesuatu yang telah tercuai daripada pegawai-pegawai yang tidak begitu amanah, samalah juga kita umpamakan apa sesuatu milik kita yang ada dalam poket kita hilang. Pernah juga seseorang didapati kehilangan wang berpuluh-puluh ribu. Tentu sekali pihak dirinya tidak merasai mahu yang wang itu hilang tetapi pada satu masa ada didapati cuai menjadi hilang.

Apatah lagi kalau sekiranya perkara hal orang ramai menjaga, seseorang yang memegang tanggungjawab kalau sekiranya "domer"nya atau hatinya tidak ikhlas, tidak bersih, ada niat menipu, ada niat mahu ambil harta orang, ada niat mahu pecah amanah, maka dengan sendiri mereka akan dapat melakukan. Sekiranya tidak hari ini, besok, tidak besok selepas besok tetapi dia akan lakukan juga.

Oleh yang demikian, perkara yang penting sekali hari ini bagi rakyat mahu tahu, adakah libatan Kerajaan, itu pokok sekali, ataupun libatan Menteri-menteri, itu pokok sekali. Kalau sekiranya ada libatan Menteri-menteri, benar-benar betul mereka itu libatkan mengambil wang ataupun menipu, bukan sahaja DAP yang tidak

suka orang yang seperti itu, bahkan daripada seluruh orang khususnya orang UMNO sendiri amat tidak suka kepada orang-orang yang bersifat seumpama itu. Tetapi adakah jelas atau tidak, perkara ini sedang-sedang kelabu. Apabila sesuatu kelabu, tidak dapat kita hendak dicam secara terang, melainkan sesuatu apabila sudah terang. Apabila sudah terang, tentu sekali bagi pihak rakyat khususnya terdiri daripada UMNO sendiri tidak suka orang-orang yang seumpama ini. Hari ini dalam tentang jelas atau tidak, kalau diri saya sebagai orang Islam, saya berpandu kepada Allah s.w.t. memberi pengajaran kepada kami. Apa kata Allah, Firman Allah dalam Al-Quran;

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila datang kepada kamu sesuatu perkhawaran, sesuatu tuduhan, maka hendaklah kamu tengok, tilik, siasat dengan terang, dengan jelas. Takut-takut menjadi suatu purak-puranda kaum-kaum, orang ramai dengan suatu tuduhan-tuduhan yang tidak terang, gambaran-gambaran yang tidak terang, takut menjadi purak-puranda, takut menjadi bermusuhan-musuhan, takut menjadi perseteruan kaum iaitu orang ramai dengan perkara tidak terang. Dengan cara itu maka akan jadi kamu sekalian menyesal akan datang.”

Jadi memberi erti bahawa memandangkan kepada pengajaran Allah ini sesuatu yang tidak terang betul, tidak jelas, tidak dapat kita hendak mengambil suatu kesimpulan, tuduhan yang tertentu. Rosaknya itu bukannya hanya rosak kepada orang perseorangan. Misal kita kata, bukan rosak kepada sesuatu parti, misalan katalah dalam DAP kita kata, bukan hanya rosak kepada UMNO ataupun DAP. Rosak itu kepada rakyat. Nanti rakyat akan merasai si pulan jahat. Pada hal kita tidak tahu jahat betul

atau tidak. Oleh yang demikian, rasa sayalah walau mana parti sekali pun ada tujuan yang baik, maka dengan tujuan yang baik kita ini agar kita pupuk dengan cara baik, dengan cara kita tidak boleh menuduh orang secara melulu ataupun kita fikir-fikirkan agak-agaknya begitulah atau itu oranglah. Tidak kita fikir, sebab selalunya kalau dalam mengenai penipuan atau mencuri selalu kadang dapati Polis tangkap dua, tiga, empat orang. Kadang-kadang dua, tiga, empat orang itu tidak terlangsung terlibat. Yang terlibatnya orang yang tidak ditangkap, tetapi suatu masa akan zahir bahawa itulah orangnya. Pernah berlaku begitu. Begitulah perkara hal BMF ini.

Kalau sekiranya bagi pihak pegawai-pegawai bank atau yang berkenaan dengan BMF, mereka itulah yang menipu ataupun yang mengambil wang yang begitu dengan tidak keredaan. Itu tidak menjadi kehairanan bagi kita sebab maklumlah manusia ini. Sedikit sangat dunia hari ini manusia hendak cari halal. Betul-betul yang halal itu tidak banyak sangat manusia memikirkan hendak mencari harta halal. Ada, bukan tidak ada, tetapi yang sebenarnya akhir-akhir zaman ini. Begitulah manusia tidak sangat mengirakan halal atau haram, betul, tidak betul, asalkan dapat. Kebanyakan manusia begitu. Oleh yang demikian, kalaulah didapati pegawai-pegawai atau yang berkenaan yang ada kuasa dalam BMF, mereka melakukan perkara-perkara seumpama itu, tidak menjadi hairan pada kita sebab mereka manusia biasa. Tetapi yang kita hendak menjadi suatu tandatanya, adakah orang yang berkenaan, Kerajaan atau orang-orang politik yang mempunyai kuasa maka orang-orang ini didapati tidak ada jelas, tidak ada menandakan suatu yang jelas mereka itu terlibat tentang penipuan-penipuan ini. Oleh kerana tidak ada petanda-petanda

yang jelas maka tidak seharusnya kita kecam atau kita keji sebulat-bulatnya kepada mereka itu.

Tentang kecuaiian, kecuaiian Kerajaan, kecuaiian Menteri-menteri dan sebagainya, itu perkara biasa. Ertinya kalau ditakdirkan Allah, naiklah misalan Kerajaan DAP di suatu masa, misalannya kalau dikehendaki Tuhan misalan, tentu sekali mereka ini ada orang yang lemah. Tidakkah pula apabila misalan naik DAP atau naik PAS akan menjadi sebuah Kerajaan yang betul-betul adil, yang betul-betul elok, yang betul-betul tidak ada salah misal, mustahil, sebab dalam perkara ini Nabi Muhammad ada mengatakan, "asalkan dia manusia, tidak sunyi daripada salah, silap, cuai", itu tidak sunyi.

Tetapi, hari ini Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah maka bagi pihak Pembangkang sebagai pemerhati. Samalah saya umpamakan orang main bola, si pemain dengan si penonton. Si penonton memang nampak lebih bijak daripada yang bermain, tentang sorak, tentang komplennya. Pada perasaan kita yang menonton ini daripada goal sana kita boleh tendang sampai terus masuk goal, perasaan. Tetapi si pemainnya sendiri sudah hendak patah betih bersungguh-sungguh tetapi tidak juga masuk goal. Si pemerhati komplek, marah, sumpah, macam-macam. Itulah keadaan manusia ini.

Oleh yang demikian, saya yang bercakap ini sungguhpun saya sebagai Back-bencher dalam UMNO atau dalam Kerajaan tetapi saya tidak hendak sensitif ataupun hendak kata orang membuta tuli. Saya bercakap ini secara tengah. Yang betul, betul, yang tidak betul, tidak betul.

Akhir-akhir zaman ini, tentang amanah manusia tak kecuali siapa, tak kecuali dari mana, susah kita hendak

cari seperti amanah orang-orang di zaman dahulu, tak terdapat. Maka sekiranya kita dapati manusia ada pecah amanah, maka kita cubalah agar mereka di lain-lain masa tidak pecah amanah dan supaya orang-orang lain jangan pecah amanah.

Oleh itu walau bagaimana sekalipun dalam perkara BMF ini sekiranya masih tertutup siapakah orang yang benar-benar salah, dia akan zahirnya kerana ini satu doa rakyat dan kerana wang ini adalah wang rakyat. Maka di satu masa akan zahir, siapa atau siapa, akan zahir sedikit demi sedikit.

Oleh yang demikian dalam perkara ini kita bersabar sahaja, masa akan menunjukkan siapa salah dan siapa yang benar. Kemudian adakah ini kita boleh salahkan kepada Kerajaan, kita bolehkan salahkan Menteri atau Perdana Menteri? Sekiranya bagi pihak masing-masing ada terlibat namanya ditulis misal kata, tetapi nama yang ditulis itu sebagai suatu "agak-agak" ataupun "kalau-kalau," maka perkara "kalau-kalau" itu, tidak boleh menjadi satu kesimpulan selagi tidak sampai masa kesimpulan itu diproses ataupun dihalusi dengan sehalus-halusnya.

Maka dengan itu sepatutnyalah bagi semua orang ataupun bagi semua pihak Parti sama ada Parti Pembangkang dan sebagainya; dalam perkara ini kita bersabarlah dan cuba kita melarikan diri kita daripada tuduhan-tuduhan kepada orang-orang yang tidak munasabah atau kita tidak tahu apa yang sebenarnya.

Bagi seorang seperti saya ini sebagai seorang Islam dan juga orang-orang Islam yang lain, tuhan sendiri ada mengajar sebagaimana Firman Allah: Wahai orang-orang yang beriman, orang-orang Islam, jauhilah kamu daripada banyak salah sangka, sesungguhnya setengah daripada salah sangka itu dosa besar.

Sebab perkara-perkara salah sangka ini kadang-kadang boleh menjadi terlibat kepada suatu yang tidak kita fikirkan membawa kepada mudarat yang lain. Kalau kita salah sangka kepada si polan atau si polan, kalau hanya setakat mereka sahaja, tak mengapa, tetapi dia akan pergi kepada kerosakan yang lebih lanjut atau lebih banyak lagi.

Umpamanya katakan kalau misalnya seorang sebagai Ketua Pembangkang, apabila seorang Ketua Pembangkang merasai begitu, boleh jadi pengikut-pengikutnya yang dibelakangnya akan merasai begitu juga, pada hal kita tak tahu benar atau tidak. Maka kerosakan itu banyak—boleh membawa kepada perpecahan kaum, boleh membawa kepada pertumpahan darah, boleh membawa kepada kerosakan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun hendak minta penjelasan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang menggunakan sopan santun dan budi bahasa untuk membahaskan hal ini. Cuma saya hendak tanyalah dari segi tafsiran Islam yang disebut-sebutkan tadi dan saya hendak sebutkan di sini angka-angka dan fakta-fakta yang terkandung di dalam Laporan yakni dalam Kertas Putih.

Saya hendak petik di sini, Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak tahu tafsiran beliau mengenai hal-hal ini sama ada dari segi beliaunya, beliau akan mengambil tindakan ataupun tidak, ataupun hendak "sabar" sahaja iaitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato Haji Basir bin Ismail pada 25hb Februari, 1986, Perdana Menteri

berkata bahawa, pengetahuan beliau mengenai kes BMF buat pertama kalinya adalah menerusi laporan akhbar; selepas itu segala-gala maklumat yang selanjutnya diperolehi daripada taklimat kasar oleh Pengerusi Bank Bumiputra (pada masa itu Dr Nawawi Mat Awin) dan Bank Negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa beliau telah menerima pengesyoran daripada pihak Bank Bumiputra yang mereka akan mendapat semula wang sebanyak yang mungkin daripada George Tan. Perdana Menteri juga telah menafikan yang beliau diberitahu mengenai butir-butir BMF dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun.

Tetapi menerusi Laporan Akhir siasatan BMF, Gabenor Bank Negara (pada masa itu iaitu Tan Sri Aziz Taha) telah berkali-kali memberikan taklimat kepada Perdana Menteri setelah mengesan penyelewengan dalam pengurusan BMF berikutan satu penyelidikan pihak Bank Negara yang bermula pada bulan Jun, 1982 dan berakhir pada bulan September, 1982. Tan Sri Aziz Taha telah juga menulis sepucuk surat kepada Perdana Menteri pada bulan April, 1983 yang menegaskan betapa buruknya keadaan di BMF. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"On this basis BMFL would incur a large loss for the year ended 31st of December, 1982 and as the interest income of these loans was approximately HK\$600 million, a loss of about HK\$500 million would completely wipe out BMFL's shareholders' funds and consequently affect seriously the financial position of BBMB."

Jadi di sinilah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetahui hal ini pada tahun 1982. Saya hendak tahulah dari segi tafsiran Ahli Yang Berhormat itu sama ada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bijak tidak mengambil tindakan dengan serta merta ataupun dengan cara yang diambil pada dua-tiga tahun ini, cara ini lebih baik ataupun tindakan yang lebih tegas lagi boleh diambil. Itulah kami berasa Yang Amat Berhormat tidak ambil tindakan yang begitu tegas daripada tahun 1982 lagi semenjak beliau mengetahui, kalau kita mengikut Laporan Terakhir itu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada dari Wakil Kepong. Apa yang telah disoalkan oleh beliau tadi, mengenai surat kepada Perdana Menteri, perkara ini kesimpulan akhirnya sebagaimana apa yang Ahli Yang Berhormat dari Kepong katakan tadi, apakah pandangan saya tentang Perdana Menteri yang tidak ambil tindakan tegas atau segera dalam perkara yang patut disegerakan.

Pada pendapat saya seorang apabila sudah menjadi Perdana Menteri atau sebagai ketua dalam sesebuah negara tentu sesuatu tindakan yang hendak diambil dengan penuh teliti.

Sekiranya penjelasan-penjelasan itu tidak begitu terang, tentu sekali tidak patut diambil tindakan segera, tetapi kalau sekiranya jelas sepenuh-penuh jelasnya baru boleh diambil tindakan, itu pun disuruh siasat lagi. Umpama misal kata, beza antara ketua dengan orang yang tidak jadi ketua samalah seperti dalam sebuah rumah bapa dengan anak-anaknya, begitulah misal kata. Bapa dengan anak-anaknya selalunya tindakan hendak diambil biasanya kalau bapa adalah berbeza daripada anak kerana dalam sesuatu penjelasan yang diberi bukan hanya setakat boleh berpandu kepada surat itu sahaja, tentu sekali dia akan pasang orang-orang lain pula, menyasat terhadap orang yang memberi surat itu pula betulkah atau

tidakkah, kerana ini perkara yang terlibat kepada rakyat, akan tetapi kalau sekiranya perkara itu terlibat kepada seorang, kita katakan Perdana Menteri sahaja, kepada dirinya sahaja tentu dia boleh ambil tindakan sesuatu dengan dasar ataupun lebih cepat. Tetapi kalau sesuatu perkara yang terlibat kepada orang ramai tentu sekali hendak lebih cermat, ada pun perkara memakan masa setahun ataupun dua tahun tengok sesuatu kes.

Sekiranya kes itu kes kecil-kecil boleh diambil sesuatu tindakan dengan lebih cepat. Tetapi kalau sesuatu perkara itu kes yang besar, maka dia akan mengambil masa sama juga dengan kes dalam mahkamah. Kes mahkamah kalau kes seseorang yang mencuri ayam mudah sahaja dibicarakan dan mudah diselesaikan, tetapi kalau kes besar-besar, kes pembunuhan dan sebagainya kadang-kadang mengambil masa bertahun-tahun, kes dadah ataupun salah seorang pengedar dadah pernah dibicarakan sampai 2-3 tahun, kalau tidak terang, tetapi kalau sekiranya terang seterangnya, betul-betul dadah itu ada pada tangannya misalannya, mempunyai saksi-saksi yang cukup memang dibicarakan dengan secepat mungkin. Tetapi kalau sekiranya dadah itu ada dalam keretanya, itu tidak boleh dibicarakan dengan secara cepat, boleh jadi orang letak dadah itu dalam kereta, berlainan kalau dia pegang dadah itu di tangannya sendiri, beza dengan dadah yang berada dalam keretanya, kerana kalau dadah berada dalam keretanya boleh jadi orang letak. Jadi banyak kemungkinan-kemungkinannya itu. Oleh itu, saya rasa langkah Perdana Menteri dalam segi tidak mengambil tindakan dengan segera misalannya itu adalah suatu langkah yang paling bijak sebagai seorang Perdana Menteri Ketua Negara. Rasa saya siapa-siapa pun apabila sampai kepada peringkat itu sudah tentu sesuatu yang hendak

dijalankan, tindakan dan sebagainya itu cermat dan tapis dengan sepenuhnya teliti, yang cukup puas hati betul-betul. Ini pun dalam Islam suruh begitu, sesuatu perkara mesti dengan terang dan betul baru boleh.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Kalau begitu hendak tahu hal ini dengan teliti, dengan lebih penuh, dengan mendalam, kalau begitu halnya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan mengadakan satu Suruhanjaya di-Raja yang mempunyai kuasa yang lebih luas untuk menyiasat hal BMF.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat tahu bahawa selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diberitahu hal mengenai BMF pada tahun 1982/1983, masih ada wang daripada BBMB dikeluarkan untuk BMF oleh Carrian dan sebagainya.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, tentang melantik Jawatankuasa Suruhanjaya di-Raja itu bukan satu perkara yang payah. Itu mudah, tetapi biarlah orang-orang yang telah dilantik hari ini, mereka itu sudah tidak berupaya lagi, mereka itu sudah menulis surat mengatakan kami sudah tidak berupaya lagi, sudah surrender betul-betul. Tetapi orang-orang ini belum surrendar lagi, orang-orang ini masih kuat lagi boleh menjalankan penyiasatan-penyiasatan, belum habis lagi. Ertinya dalam perkara ini kalau selagi keupayaan masih ada, maka boleh kita teruskan perkara yang masih mereka berupaya, ini apabila sudah tidak upaya lagi maka orang ini hari ini bukan tidak berupaya, ini adalah kita katakan sesuatu perkara bukan tidak baik—baik, tetapi sebelum kita menggunakan misalan kata pedang

perkara yang patut kita guna pisau kenapa kita hendak gunakan pedang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tugas Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin ini sudah habis dan mereka setakat bidangkuasanya tidak berupaya lagi dan berkali-kali disebutkan di sini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa dalam negara ini bukan hanya setakat Tan Sri Ahmad Noordin sahaja, ertinya kalau tidak Tan Sri Ahmad Noordin, tidak adakah orang lain yang boleh dilantik semula misalnya untuk ganti, tidak bolehkah? Tentu boleh. Sebelum kita melantik Jawatankuasa Suruhanjaya di-Raja, masih ada lagi ertinya hari ini boleh kita gunakan pisau, parang. Jawatankuasa Suruhanjaya di-Raja ini sudah sampai kepada peringkat pedang, jadi kita hendak tetak apa? Kalau kita cuma hendak potong pisang, kenapa hendak gunakan pedang, ini pisang bukan hendak tetak kayu balak, ini pisang sahaja, sudah puas hati!

Dr Tan Seng Giaw: Tidak.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Belum puas hati lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Wakil dari Kepong sudah fahamlah itu, sila teruskan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi nampaknya wakil Kepong sudah ketawa itu agaknya

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah faham.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara BMF ini rasa saya dengan adanya 2-3 orang wakil-wakil DAP dalam Dewan ini dan saya nampak dia ketawa dan senyum itu senyum dari hati betul, oleh itu saya tinggalkan setakat ini, saya hendak alih kepada Memali pula.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa pahit Memali ini bukan suatu perkara ganjil dan dalam sesuatu negara sepanjang pemerintahan seseorang yang memerintah asalkan dia manusia tidak pernah terdapat sesebuah Kerajaan yang tidak berlaku dalam negaranya pertumpahan darah, itu memang tidak ada. Tentang pertumpahan darah ada terdapat di mana-mana pemerintahan pun, jadi perkara Memali ini adalah suatu

pengajaran, sungguhpun perkara ini perkara pahit, tetapi ada kalanya perkara pahit ini boleh menjadi penawar ataupun menjadi pengajaran kepada kita. Sebab itulah sesuatu yang elok kadang-kadang ia jadi racun kepada kita dan sesuatu yang kita nampak tidak elok tetapi dia jadi penawar, ini bukan sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.